



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2493]

USUL:

Aturan Urusan Mesyuarat [Ruangan 2516]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara
(Pindaan) [Ruangan 2516]

Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan)
[Ruangan 2519]

Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan
(Pindaan) [Ruangan 2558]

MALAYSIA

PARLIMEN KEEMPAT—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Perak).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Dilantik).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI S. O. K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK ABDUL AZIZ BIN TAPA, D.K.S.J., A.M.N., P.J.K. (Melaka).
- „ JENERAL TAN SRI ABDUL HAMID BIN BIDIN (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negeri Sembilan).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN V. V. ABOO, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N. (Johor).
- „ TUAN AHMAD AZIZUDDIN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN (Dilantik).
- „ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- „ DATUK SERI HUSSEIN BIN MOHD. NORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).

- Yang Berhormat TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ DATUK LEE LOY SENG, D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- „ TAN SRI LIM CHING WAH, P.S.M., S.P.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- „ TUAN M. MAHALINGAM (Dilantik).
- „ DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T. H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., S.M.P., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., S.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSEIN, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATUK SYED KECHIK BIN SYED MOHAMMAD, P.G.D.K. (Sabah).
- „ TUAN SYED OMAR BIN SYED HUSSAIN, S.M.P., A.M.N. (Perlis).
- „ TUAN TING MING HIA (Sarawak).
- „ PUAN HAJAH CIK TOM SAUDAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ TUAN S. M. VELLAYAPPA, S.D.K., A.M.N., J.P. (Kedah).
- „ DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Lim Joo Keng.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Jumaat, 7hb Januari, 1977

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAANPETRONAS—PERJALANAN
PERKONGSIAN PENGELUARAN

1. Tuan Chua Ching Cheng (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) keputusan daripada perbincangan-perbincangan di antara PETRONAS dan beberapa syarikat minyak dan menghasilkan petroliaam dalam kawasan Malaysia;
- (b) berapakah syarikat (berikan nama-nama) telah menerima syarat-syarat perjanjian yang dikemukakan oleh PETRONAS;
- (c) apakah syarat-syarat perjanjian itu.

Menteri Tak Berpoffolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, berikutan dengan rundingan-rundingan yang telah diadakan di antara PETRONAS dan beberapa buah syarikat minyak, persetujuan muktamad telah dicapai dan Perjanjian Perkongsian Pengeluaran telah ditandatangani di antara PETRONAS dengan:

- (a) Sarawak Shell Berhad (SSB) mengenai satu kawasan di dasar laut berdekatan dengan Negeri Sarawak;
- (b) Sabah Shell Petroleum Company Ltd (SSPC) dan Pecten Malaysia Company mengenai satu kawasan di dasar laut berdekatan dengan Negeri Sabah; dan
- (c) Exxon Production Malaysia Inc. mengenai satu kawasan di dasar laut berdekatan dengan Negeri Trengganu dan 2 kawasan berdekatan dengan Negeri Sabah.

Di antara syarat-syarat yang penting ialah seperti berikut:

(a) *Tempoh perjanjian*

Tempoh perjanjian ialah 20 tahun bagi minyak mentah dan gas asli. Tempoh ini boleh disambung selama 4 tahun bagi minyak mentah dan 14 tahun bagi gas asli.

(b) *Royalty dan Kos Pengeluaran*

PETRONAS boleh mengambil 10% daripada jumlah keluaran untuk membayar royalty kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang berkenaan, manakala syarikat carigali minyak yang berkenaan boleh mengambil tidak lebih daripada 20% daripada jumlah pengeluaran untuk membiayai perbelanjaan mencarigali dan mengeluarkan minyak mentah. Bagi gas asli, peratusan ini adalah dihadkan kepada 25% daripada jumlah pengeluaran.

(c) *Peratusan Perkongsian*

Yang baki iaitu 70% (atau 65% bagi gas asli) daripada jumlah pengeluaran adalah dibahagi di antara PETRONAS dan syarikat carigali minyak yang berkenaan di mana PETRONAS mendapat 70% dan syarikat carigali minyak yang berkenaan mendapat 30%.

(d) *Bayaran tambahan*

Jikalau harga minyak mentah dinaikkan lebih daripada harga pokok (base price) iaitu US\$80 tiap-tiap kilolitre (bersamaan dengan US\$12.72 satu tong), syarikat carigali minyak yang berkenaan adalah dikehendaki membayar balik kepada PETRONAS 70% daripada harga yang lebih daripada harga pokok tersebut. Harga pokok ini dinaikkan tiap-tiap tahun sebanyak 5%.

- (e) Selain daripada di atas syarikat-syarikat carigali minyak itu juga dikehendaki membayar:

- (i) kepada Tabong Penyelidikan sebanyak 0.5% daripada hasil penjualan bahagian minyak syarikat itu;
- (ii) bonus sebanyak \$2.5 juta bagi tiap-tiap satu "petroleum field" iaitu kawasan minyak mentah yang dianggap commercial yang dijumpai;
- (iii) \$5 juta sekaligus apabila pengeluaran minyak mentah sampai ke peringkat 725,000 kilolitre bagi tempoh 3 bulan.

Lain-lain syarat termasuk peruntukan supaya melatih warganegara Malaysia dalam bidang-bidang yang berkenaan.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan:

- (a) adakah semua negeri dalam Malaysia ini telah menandatangani dengan PETRONAS berhubung dengan carigali minyak; dan
- (b) adakah satu harapan kepada masa hadapan sekiranya syarikat-syarikat yang telah ditubuhkan itu akan menjalankan perusahaan minyak bahawa minyak dalam negeri kita ini ada peluang harganya turun daripada keadaan yang ada sekarang.

Tan Sri Chong Hon Nyan:

- (a) PETRONAS sudahpun menandatangani perjanjian dengan negeri-negeri yang berkenaan di mana ada kawasan minyak.
- (b) Kerajaan sedar bahawa keuntungan yang mungkin diperolehi oleh PETRONAS daripada perjanjian perkongsian ini patut digunakan untuk faedah rakyat dan sebuah Jawatankuasa telah ditubuhkan untuk mengkaji masalah ini oleh kerana jika dapat keuntungan yang berlebihan patut juga faedah itu dipulangkan kepada rakyat Malaysia.

Datuk Mansor bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya dua perkara. Yang pertama, daripada berita yang saya baca kalau tidak salah ingatan, pihak pengeluar minyak ini menyatakan minyak-minyak yang dikeluarkan oleh mereka itu tidak akan didaratkan di tanah

besar negara kita, melainkan terus diisi ke kapal, di platform tengah lautan itu sendiri. Jika sekiranya ini benar maka siapakah yang akan menentukan jumlah pengeluaran yang sebenarnya untuk pengiraan percentage ataupun profit sharing yang telah ditandatangani, kerana mungkin barangkali Yang Berhormat Timbalan Menteri akan mengatakan kita akan meletakkan orang menjaga di sana, tetapi ini adalah merbahaya, kerana manusia ini as human being can be bought as anything else.

Yang kedua, bagi keadilan kepada negeri-negeri yang bernasib baik Tuhan beri rezki, harta bumi keluar dari negeri masing-masing, tidakkah Kerajaan ataupun PETRONAS yang mewakili Kerajaan mengenakan syarat yang tertentu supaya pusat gerakan base of operation syarikat-syarikat yang berkenaan mesti ditubuhkan di negeri-negeri yang berkenaan supaya dapat faedah itu, kalau tidak dapat terus minyak kepada rakyat pun, barangkali bahang-bahangnya itu dapat dirasakan oleh penduduk ataupun rakyat negeri itu. Dan manakah yang benar kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh pihak PETRONAS dan juga oleh pihak pengeluar minyak, pihak PETRONAS, saya tidak mahu menyebutkan siapa, pernah menyatakan kepada soalan-soalan daripada rakyat negeri yang berkenaan bahawa bukan dengan kehendak PETRONAS menentukan sesuatu pusat atau base of operation tetapi ini adalah kehendak pihak pengeluar minyak itu sendiri, tetapi bila kita hubungi pihak pengeluar minyak, dia mengatakan dia hanya menerima perintah ataupun arahan. Jadi mana sebenarnya yang betul?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan soalan yang pertama berkenaan dengan amalan supaya minyak yang dikeluarkan dari kawasan minyak itu diukur dan dikira dengan sebaiknya, sukacita saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa sebelum satu syarikat carigali minyak melaksanakan perancangan pengeluaran (plan of operation), perancangan itu mesti diluluskan oleh PETRONAS sebelum satu tindakan diambil oleh syarikat carigali minyak dan dalam perancangan pengeluaran itu ada syarat-syarat yang tertentu supaya dapat mengawal pengeluaran minyak.

Berkaitan dengan soalan kedua, barangkali Ahli Yang Berhormat itu maksudkan supaya bekalan pusat (supply base) diletakkan di

dalam negeri-negeri di mana minyak dapat dikeluarkan. Saya telah diberitahu bahawa setakat ini PERNAS Mining Sendirian Berhad telah mendapat kebenaran untuk mengadakan perkhidmatan mengangkut barang dan alat perkakas dan kemudahan tempat simpanan (supply base) barang-barang yang akan digunakan oleh syarikat carigali minyak. Kebenaran itu tidak menyebutkan di manakah tempat simpanan itu mesti diadakan. Ini terpulang kepada PERNAS Mining Sendirian Berhad di mana mereka hendak mengadakan pusat itu. Inilah kedudukan setakat ini.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab, mengikut Territorial Waters dan juga berkenaan dengan Continental Shelf yang mana dipakai berkenaan minyak ini, iaitu satu-satu Kerajaan Negeri misalnya. Adakah kita mengikut iaitu Territorial Waters ini dipunyai oleh Kerajaan Negeri itu ataupun Continental Shelf lebih jauh lagi dipunyai oleh tiap-tiap Kerajaan Negeri. Adakah penentuan ini dibuat ataupun tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri hendak menjawab ataupun tidak, atau hendak minta notis?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, secara am sahaja saya menjawab tentang perkara ini. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum kita mengadakan satu Akta berkaitan dengan Continental Shelf dan kawasan Continental Shelf. Penge-luaran daripada Continental Shelf diperolehi oleh Kerajaan Persekutuan tetapi kawasan di dalam Territorial Waters ialah 3 batu dari pantai. Kawasan itu ialah terpulang kepada negeri-negeri yang berkenaan. Dalam gerakan mencarigali minyak ini di dalam kawasan Continental Shelf, hak itu sudahpun diberi kepada PETRONAS dan PETRONAS sudahpun mengadakan perjanjian dengan negeri-negeri yang berdekatan dengan dasar laut itu, sebagaimana saya katakan tadi supaya royalty 10% itu dibahagi kepada kedua pihak

BATU CAVES—PERUSAHAAN KUARI

2. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob meminta Menteri Sains, Teknologi dan Alam

Sekitar menyatakan bilakah perusahaan kuari di Batu Caves akan dipindahkan ke tempat lain memandangkan kepada pembangunan yang sebegitu pesat yang berlaku di Gombak sekarang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, saya menghargai perhatian yang diberikan oleh Tuan Senator berkenaan mengenai masalah pencemaran di Batu Caves, yang mana telahpun mendapat tindakan yang sewajarnya daripada Kementerian saya.

Saya sedar bahawa Batu Caves mempunyai nilai-nilai ugama yang penting kepada sego-longan masyarakat, dengan itu kerja-kerja meletup batu (blasting) yang dijalankan itu selain daripada mengancam kedudukan gua besar itu sendiri; juga mengancam tempat sembahyang di dalamnya. Di samping itu juga tumbuhan-tumbuhan yang terdapat di dalam kawasan itu mempunyai kepentingan-kepentingan saintifik. Selain daripada itu, taburan-taburan debu merupakan bahaya kesihatan.

Beberapa mesyuarat dan perbincangan telahpun diadakan di antara Kementerian saya dan pengusaha-pengusaha kuari di kawasan tersebut dan juga dengan pertumbuhan-pertumbuhan seperti Persatuan Perlindungan Batu Caves.

Masalah pencemaran di kawasan Batu Caves adalah disebabkan oleh kerja-kerja meletup batu, kerja-kerja kuari dan operasi memecah batu di kuari J.K.R., kuari Kenneison Brothers, dan kuari Dolomite Industries.

Kementerian saya sedang cuba mengatasi masalah-masalah itu secara sistematik dan penuh teliti. Oleh kerana teknologi yang ada pada masa ini tidak dapat menghapuskan masalah debu yang berpunca daripada operasi meletup batu, Kementerian saya merasa langkah yang paling praktikal sekali adalah untuk menamatkan semula kuari-kuari tersebut di kawasan-kawasan lain. Dengan bantuan Jabatan Kaji Bumi, kami telah menentukan beberapa kawasan-kawasan yang potential di sekitar Kuala Lumpur untuk tujuan ini. Di samping itu juga, Kementerian saya telah memohon pengusaha-pengusaha kuari untuk menghantar program-program memindah operasi mereka dari kawasan Batu Caves itu. Tindakan-tindakan boleh diambil untuk menempatkan mereka ke kawasan-kawasan yang potential itu yang mana akan dilindungi sebagai kawasan kuari.

RISDA dan Perbadanan-Perbadanan Kemajuan Negeri yang dijangka memajukan lebih kurang 50,000 ekar tanah baru setahun untuk ditanam dengan benih-benih getah bermutu tinggi serta diselenggarakan dengan cara-cara terbaru hasil dari usaha-usaha penyelidikan.

Rancangan-rancangan tanaman semula dan kemajuan tanah baru ini pula disokong dengan berkesan oleh usaha-usaha penyelidikan yang progresif yang dijalankan oleh Pusat Penyelidikan Getah Malaysia serta juga Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia. Kegiatan-kegiatan penyelidikan meliputi penyelidikan terhadap penanaman dan amalan pertanian, pengeluaran dan pemerosesan, pemasaran dan seterusnya penggunaan-penggunaan getah. Hasil-hasil daripada penyelidikan itu disyorkan kepada sektor-sektor berkenaan melalui khidmat-khidmat seperti Khidmat Nasihat di bawah Pusat Penyelidikan Getah Malaysia yang menyampaikannya kepada estet-estet dan pekebun-pekebun kecil (melalui RISDA) dan juga melalui Perkhidmatan Nasihat Teknikal (Technical Advisory Service) dalam aspek pengilangan bahan-bahan yang berasaskan getah.

Bagi menentukan bahawa segala usaha-usaha penyelidikan serta rancangan-rancangan pembangunan ini mendapat jaminan pasaran di masa-masa hadapan, Malaysia berserta Indonesia, Thailand, Sri Lanka dan Singapura telah menandatangani satu Perjanjian Pendetabilan Harga Getah Antarabangsa dalam bulan November yang lalu di Jakarta. Adalah dijangka Perjanjian ini akan disahkan oleh 5 buah negara-negara penandatangani itu dan Sekim Penstabilan Harga Getah dapat dilaksanakan tidak berapa lama lagi. Perjanjian ini merupakan satu usaha yang paling penting untuk memberi keyakinan kepada semua pengusaha-pengusaha getah asli terutama pekebun-pekebun kecil yang mata pencarian mereka bergantung secara langsung kepada perusahaan getah. Pengguna getah juga akan mendapat menafaat di dalam keadaan harga yang setabil untuk membuat "investment decisions" mengenai penggunaan bahan ini.

Dari segi sumbangan yang diberi oleh pelaburan modal luar negeri, bolehlah saya nyatakan bahawa banyak usaha-usaha ini telah ditumpukan melalui sektor estet. Pemodal-pemodal asing memang besar sumbangannya terhadap kemajuan per-

usaha getah negara ini dan sektor estet berupa sektor yang paling maju dan cepat memadan dan menyesuaikan hasil-hasil penyelidikan dengan tujuan menambahkan kecekapan pada daya pengeluaran sektor masing-masing.

Selain sumbangannya kepada sektor estet, pemodal-pemodal asing juga memberikan sumbangannya terhadap projek-projek pembangunan perusahaan getah melalui FELDA. Pihak Bank Dunia telah menyalurkan sebanyak \$320 juta kepada FELDA bagi projek-projek pembangunan pertaniannya, sementara Kuwait dan Arab Saudi pula memberi kemudahan pinjaman berjumlah lebih kurang \$181 juta. Pihak Bank Dunia sedang mengadakan rundingan dengan RISDA untuk meninjau kemungkinan-kemungkinan pembiayaan dalam projek-projek RISDA.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya telah dengar dengan panjang lebar bagaimana kita akan mengeluarkan getah dengan lebih banyak dan apa program kita pada masa yang akan datang, tetapi adakah program daripada Kementerian yang bertanggungjawab iaitu bukan sahaja mengeluarkan getah yang banyak tetapi juga untuk meninggikan taraf hidup pekebun kecil. Boleh atau tidak dalam program RISDA supaya apabila dibuat kilang terutama sekali pada hari ini kilang tayar cukup maju oleh kerana semakin banyak kereta digunakan dan tayar mesti banyak digunakan, maka dengan sebab itu pekebun kecil terutama sekali dalam rancangan FELDA mereka itu diberi peluang yang luas sekali membeli saham dalam kilang-kilang tersebut. Bolehkah atau tidak dibuat begitu dalam program RISDA?

Tuan Paul Leong Khee Seong: Tuan yang di-Pertua, soalan tambahannya apa?

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Saya bertanya tadi bolehkah atau tidak pada masa akan datang untuk meninggikan taraf hidup pekebun kecil bukan sahaja menambah pengeluaran getah tetapi apabila dibuat factory tayar, maka diberi peluang mereka itu membeli saham atau disimpan wang mereka untuk membeli saham kilang-kilang berkaitan dengan perusahaan getah itu. Bolehkah atau tidak dibuat begitu?

Tuan Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, masalah itu boleh dipertimbangkan, tetapi saya suka menyatakan di sini bahawa Kerajaan kita sentiasa berusaha meninggikan taraf hidup pekebun kecil.

PERUMAHAN AWAM KOS RENDAH

4. **Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein** minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan memberikan butir-butir mengenai rumah-rumah harga murah di Wilayah Persekutuan, Petaling Jaya dan di berbagai-bagai bandar di sekitarnya yang boleh dipohon oleh orang ramai, memandangkan kawasan-kawasan inilah yang mempunyai bilangan penduduk yang sangat pesat.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Datuk Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, dalam Wilayah Persekutuan sebanyak 7 projek perumahan awam kos rendah dijangka siap dibina dalam tahun 1977 dan awal tahun 1978 ini iaitu seperti berikut:

- (i) Jalan San Peng (Peringkat 2) mengandungi 792 yunit rumah pangsa yang dijangka siap dalam bulan Ogos, 1977;
- (ii) Jalan Cheras Batu 4 (Peringkat 1) mengandungi 360 yunit rumah berkelompok yang dijangka siap dalam bulan Oktober, 1977;
- (iii) Jalan Cheras Batu 3½ mengandungi 676 yunit rumah berkelompok yang dijangka siap dalam bulan Mac, 1977;
- (iv) Sentul Selatan (Peringkat 1) mengandungi 256 yunit rumah pangsa yang dijangka siap dalam bulan Oktober, 1977;
- (v) Kampung Konggo (Peringkat 1B) mengandungi 504 yunit rumah berkelompok yang dijangka siap dalam bulan Julai, 1977;
- (vi) Kampung Konggo (Peringkat 1C) mengandungi 500 yunit rumah berkelompok yang dijangka siap dalam bulan April 1977;
- (vii) Kampung Konggo (Peringkat 2B) mengandungi 640 yunit rumah pangsa yang dijangka siap dalam bulan Januari 1978.

Di persekitaran Petaling Jaya pula ada terdapat 2 projek perumahan kos rendah seperti berikut:

- (i) Jalan Kelang Lama (Ex MAHA site) mengandungi 995 yunit rumah teres yang dalam pembinaan;
- (ii) Petaling Jaya (Projek 501A) mengandungi 170 yunit rumah teres yang dalam pembinaan.

Di samping itu, di Batu 10 Jalan Cheras ada terdapat satu projek lagi bagi 104 yunit rumah teres yang di jangka siap pada bulan Mac 1977.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jawapan itu memang sedap didengar iaitu di sana banyak dibuat rumah, di sini pun banyak didirikan rumah tetapi yang penting sekali siapakah yang akan dapat rumah itu? Adakah dipersoalkan oleh Kementerian ini mengenai pemilihan rumah itu mesti ditentukan oleh kerana pada masa ini orang ramai telah berkata bahawa pemberian rumah itu tidak adil disebabkan orang yang sudah ada rumah, dapat rumah lagi. Jadi adakah sebarang persiapan seperti "declaration" dibuat di mana seorang itu mesti mengangkat sumpah di mahkamah mengatakan jika sekiranya didapati ada mempunyai rumah di lain-lain tempat maka dia akan didenda atau dipenjarakan. Adakah dibuat begitu supaya jangan perkara ini berlaku berpuluh kali. Jadi beratus ribu rumah dibuat akhirnya orang itu juga yang dapat. Bolehkah atau tidak dibuat "declaration" begitu?

Datuk Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar iaitu berkenaan masalah yang begitu banyak seperti apa yang dikemukakan oleh Raja Datuk Nong Chik. Masalahnya memang banyak dan Kementerian saya sedang mengkaji dengan mendalam dan teliti masalah yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dan seterusnya kita akan mengatasi masalah itu iaitu pemberian rumah kepada rakyat yang dinamakan rakyat berpendapatan rendah pada hari ini. Sebagaimana baru-baru ini, penghujung tahun lalu telah diadakan perjumpaan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri sebab Lembaga-lembaga ini ditubuhkan oleh pihak Kerajaan-kerajaan Negeri dan Kementerian saya hanya memberi fund dan barangkali ada seorang dua yang akan duduk sebagai wakil daripada Kementerian untuk membuat pemilihan mereka yang akan memilikinya. Dasar-dasar itu telah ditetapkan sebagaimana dasar-dasar yang kita buat itu, selain

daripada dasar yang saya telah nyatakan semalam dalam Dewan ini iaitu orang-orang yang berpendapatan tidak lebih dari \$450 dan keluarganya tak kurang dari 5 orang dan dia telah duduk dua tahun dalam kawasan itu dan sebagainya. Oleh itu, dalam masaalah ini bukan selesai di situ sahaja, dan Kerajaan Negeri bekerjasama dengan Kementerian saya dan bersetuju iaitu untuk memberikan kepada mereka dengan ertikata yang sebenar rumah-rumah murah itu dan ada pula "period of objection" dalam tempoh dua minggu untuk membuat bantahan apakala rumah-rumah itu dishortlisted dan diberikan kepada orang ramai dan akan dipaparkan nama-nama itu di tempat-tempat orang ramai dan di sini sayugia diingatkan juga diminta supaya Ahli-ahli Yang Berhormat dan rakyat umum akan bekerjasama dengan Kerajaan supaya memberitahu jika ada penyelewengan. Kalau rumah itu kita buat beratus ribu, sebaliknya yang dapat itu bukan golongan yang dikehendaki, maka masaalah ini tidak akan selesai. Oleh itu, pada masa yang akan datang kita harap dapat kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Selain dari itu, saya ingin jelaskan perkara ini bahawa mengenai rumah-rumah murah itu jika dibuat sebanyak manapun masih banyak lagi dikehendaki walaupun setiap 5 tahun kita adakan rancangan dan selesai 5 tahun penduduk pun makin bertambah lagi dan rumah-rumah masih banyak dikehendaki.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya tahu iaitu berkenaan dengan dipaparkan di papan hitam nama-nama orang yang dapat. Ini sudah 10 tahun dijalankan, tetapi orang takut pecah kepala, kalau dikomplen pecah kepala. Dengan sebab itu boleh atau tidak saya hendak mencadangkan—saya tidak hendak pandai bercakap sahaja, syor tak ada nanti Menteri marah—iaitu dibuat satu borang yang menyatakan si anu itu tak ada bertanah, tak ada berumah, dan lain-lain dan ini disainkan dan ada tandatangan saksinya dan kemudian dibuat di Court. Jika didapati mereka ini mempunyai rumah lain daripada itu maka mereka ini boleh dibawa ke mahkamah. Boleh atau tidak syor saya ini dipakai. Itulah sahaja Yang Berhormat.

Datuk Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, rancangan-rancangan itu memang ada dijalankan sudah lama dahulu.

Datuk Syed Kechik bin Syed Mohammad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pertanyaan di sini meminta Yang Berhormat Menteri memberi tahu butir-butir berkenaan dengan rumah-rumah haram. Saya tidak dengar berapakah banyak rumah haram yang ada di Kuala Lumpur pada hari ini, lebih kurang.

Datuk Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan di sini ialah butir-butir mengenai dengan rumah-rumah harga murah di sekitar Petaling Jaya dan bukan rumah-rumah haram. Ahli Yang Berhormat itu bertanya rumah harga murah bukan rumah haram.

Datuk Syed Kechik bin Syed Mohammad: Maaf, Tuan Yang di-Pertua.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan rumah haram, ini bersangkutan dengan rumah murah. (*Ketawa*) Tuan Yang di-Pertua, bagaimana hendak mengatasi rumah haram ini, sebab rumah haram ini dibena di atas tanah Kerajaan. Boleh atau tidak Kementerian berunding dengan Kerajaan Negeri di mana ada rumah haram dibuat rumah murah supaya rumah haram ini dirobohkan dimasukkan peringkat A, peringkat B, peringkat C dan peringkat D, dibuat cara begitu. Kalau tidak dibuat begitu rumah-rumah haram ini bertaburan juga terus-menerus. Boleh atau tidak dibuat iaitu tempat-tempat rumah haram ini dibersihkan kemudian dimasukkan mereka ini ke dalam rumah-rumah murah. Bolehkah atau tidak dibuat begitu?

Datuk Haji Ramli bin Omar: Saya boleh jawab soalan itu, itu soalan lain. (*Ketawa*).

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob: Soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar di Petaling Jaya, Seksyen 51A itu tak ada tanah lagi sebab pejabat saya di situ. Timbalan Menteri menerangkan di Seksyen 51A ada 170 rumah terrace hendak dibuat. Pejabat saya disitu, satu incipun tak ada tanah kosong lagi.

Datuk Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, maklumat itu adalah yang dihantarkan oleh pihak Kerajaan Negeri yang mana saya nyatakan tadi di Seksyen 51A. Sebenarnya ada tetapi berjauhan dengan tempat Yang Berhormat itu. Office dia tidak di atas tanah itu, tentulah office di tempat

lain dan tempat buat rancangan rumah itu di tempat lain. Walau bagaimanapun, saya akan siasat tetapi saya yakin ada rancangan di Seksyen 51A.

Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bila kita mendengar berkenaan dengan rumah tadi, tak ada rungutan daripada negeri Selangor kerana banyak rumah-rumah murah itu dibuat. Jadi berkenaan dengan negeri-negeri yang mundur seperti negeri Perlis bilakah rumah murah ini akan dibuat dengan banyak.

Datuk Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Saya hendak bertanya satu perkara. Menteri tadi kata Kampong Konggo banyak dibuat rumah. Kampong Konggo atau Kampong Konggo.

Datuk Haji Ramli bin Omar: Kampong Konggo.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Saya hendak tanya tidak bolehkah nama itu ditaruhkan nama lain. Saya dengar tak sedap, Kampong Konggo, kalau namakan Kampong Haji Ramli pun lagi baik. (*Ketawa*)

MAJALAH RADIO DAN TALIVISYEN

5. Puan Hajjah Cik Tom Saudah binti Haji Othman minta Menteri Penerangan menyatakan samada beliau sedar Majalah-majalah Radio dan Talivisyen yang dikeluarkan sekarang ini terlalu menjolok mata pakaian-pakaian gambar-gambar di dalamnya dan begitu juga gambar-gambar yang ditayang dalam Talivisyen; kadang-kadang pakaiannya menjolok mata juga walaupun selalu juga saya dengar ucapan Timbalan Menteri beritahu tiap-tiap gambar yang akan keluar Talivisyen akan ditapis dahulu mengikut kesesuaian dengan Ugama Islam sebagai Ugama Rasmi negara kita, tetapi apa sebab perkara ini berlaku juga.

Timbalan Menteri Penerangan (Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa): Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan Ahli Yang Berhormat:

(i) Majalah yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu bukannya penerbitan Kementerian Penerangan ataupun Jabatan-jabatan di bawahnya.

Majalah tersebut adalah dikeluarkan oleh pihak swasta untuk jualan. Majalah-majalah yang dikeluarkan oleh Kementerian ini di bawah Jabatan Penerangan ialah Gema, Sinaran Zaman dalam Bahasa Malaysia dan Budaya dalam Bahasa Tamil dan Taushi dalam Bahasa China. Ini menerangkan rancangan-rancangan Radio dan Talivisyen Malaysia.

(ii) Filem-filem dari luar negeri yang ditayangkan oleh TV Malaysia, sebenarnya adalah ditapis oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri terlebih dahulu. Kementerian Penerangan telah memberhentikan tayangan filem-filem yang menjolok mata dan tidak bersesuaian dengan ugama Islam; begitu juga dengan filem-filem terbitan TV Malaysia.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Dalam masaalah Kementerian ini menerbitkan filem-filem di TV kita saya hendak tahu bagaimana sikap Kerajaan adakah menghendaki supaya mengikut selera semua pendengar atau atas kehendak Kerajaan.

Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Kedua-duanya diimbangkan sekali kerana yang pertama sekali bersesuaian dengan dasar Kerajaan untuk melahirkan satu bangsa Malaysia yang bersatu-padu mempunyai identiti Malaysia sendiri. Perkara yang keduanya pihak Kementerian ini ada Bahagian Penyelidikan yang kita terima feed-back atau balasan balik daripada masyarakat kita, maka daripada pandangan-pandangan masyarakat umum itu juga ditimbangan bersesuaian dengan tatasusila kita berpandukan prinsip Rukunegara dan tidak menyalahi Perlembagaan atau lebih-lagi perkara-perkara yang mengenai akidah dan unsur-unsur islamiah.

Datuk Abdul Aziz bin Tapa: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam soalan ini menegaskan mengenai pakaian menjolok mata. Saya hendak bertanya soalan tambahan dapatkah bagi pihak Menteri yang berkenaan membuat satu ukuran nilai apakah yang dikatakan pakaian menjolok mata itu. Kerana dalam negara kita ini ada bermacam-macam pakaian, pakaian baju kurung, pakaian baju belah belakang, you can see through dan lain-lain dan kita tahu macam pakaian orang India sendiri dia pakai bajunya kecil dan dipakai selendang terbuka

sebahagian-sebahagian daripadanya. Ini barangkali pada mereka tidak menjolok mata, boleh jadi ada sesuatu yang ditujukan. Macam orang India sendiri kenapa telinganya itu lobangnya besar kerana dipercayai kalau lobang telinga itu besar, matanya bertambah terang (*Ketawa*). Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya apakah ukuran nilai pakaian menjolok mata?

Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Tuan Yang di-Pertua, agak saya Ahli Yang Berhormat yang membuat soalan pakaian menjolok mata ini mungkin perkara-perkara yang menjadi tidak seronok pada pandangan dari semua peringkat golongan. Kalau dari segi konsep Islam boleh saya katakan di sini pakaian menjolok mata itu pakaian yang mendedah urat iaitu had-had yang ditentukan oleh Islam boleh dibuka dan tak boleh dibuka. Jadi had itulah saya rasa yang kita boleh buat definasi. Kalau kita, hendak definasi bagi semua kaum kerana dia mempunyai pakaian-pakaian tradisi seperti yang dimaklumkan oleh Ahli Yang Berhormat. Jadi, boleh kita katakan bahawa perkara yang dikatakan menjolok mata itu pakaian-pakaian yang mendedahkan urat yang dipandang haram dari segi konsep Islam.

Tuan Abdul Rahim bin Abdul Manan: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Mengikut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa Majallah Radio dan TV itu bukan keluaran Kementerian, tetapi keluaran pihak swasta. Boleh atau tidak, Kementerian ini menarik semula kebenaran menggunakan nama Majallah Radio dan TV daripada pihak swasta supaya tidak dicemarkan?

Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Penerbitan-penerbitan di negara kita ini ialah dengan kebenaran Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KDN). Perkara ini telah lama diluluskan kepada pihak Majallah TV iaitu mengadakan gambar-gambar filem star dan juga TV actor bukan sahaja di negeri kita bahkan di Amerika, London, BBC dan di seluruh dunia. Jadi di manakah majallah itu filem star daripada radio dan juga TV. Rasanya tidaklah patut pihak Kementerian ini hendak mengharamkan perkara itu, kecuali kalau ada desakan daripada masyarakat, bolehlah ditujukan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam

Negeri sekiranya menasabah perkara itu ditegur ataupun diberi perhatian oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak tujukan soalan ini mengenai iman. Iman ini termasuklah orang Islam. Iman inilah yang penting sekali samada pakaian bajunya jarang ataupun bajunya pendek maka iman itulah yang penting sekali. Adakah patut kita mesti pakai cuma nampak mata sahaja? Itu satu soalan.

Soalan yang kedua, oleh kerana negeri kita terdiri dari berbagai bangsa (ini pendapat saya), saya ingin minta penerangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai buku-buku majallah-majallah fesyen daripada luar negeri yang dibawa ke negeri ini, ada yang menjolok mata yang dikatakan fesyen-fesyen baju. Adakah buku yang begitu yang hendak dinikmati, ditengok oleh orang lain daripada bangsa Melayu, yang beragama Islam, adakah itu salah di sisi ugama ataupun di sisi Kerajaan?

Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan ini soalan lain. Walau bagaimanapun, untuk memuaskan Ahli Yang Berhormat itu, saya rasa perkara ini tidaklah bersangkutan dengan masaalah iman, tetapi kalau hendak difahamkan, masaalah iman itu kena buat satu kursus khas pula. Walau bagaimanapun tidaklah jauhnya perkara ini, kalau sekiranya benda-benda yang terdedah itu dikeluarkan begitu luas, menggoncang iman namanya, ertinya perkara-perkara yang dikatakan definasi menutup aurat itu, tetapi kita cuba juga jangan menutup aurat, iaitu ditutup sedikit-sedikit sahaja pada bahagian-bahagian atau pun kadang-kadang terbuka sedikit—itu menggoncang iman. Jadi menggoncang iman itu merosakkan akidah yang akan mengakibatkan satu perkara lain yang pergi ke mahkamah, dan bermacam-macam kesah daripada akibah itu. Maka dengan sebab itu, menutup aurat itu adalah perkara penting. Masaalah mengeluarkan majallah masuk ke dalam negeri ini adalah masaalah kebebasan, barangkali sehingga Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri tidak ternampak perkara itu boleh mengakibatkan keburukan, perkara-perkara itu dibenarkan masuk dan terpulanglah kepada orang yang beriman menentukan samada mahu membaca atau tidak majallah itu.

Puan Hajjah Cik Tom Saudah binti Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya berasa puashati dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi, tetapi ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak tahu apakah pakaian yang menjolok mata. Saya rasa tentu semua orang tahu pakaian yang menjolok mata. Umpamanya, tayangan filem yang disebutkan oleh rakan saya kelmarin Yang Berhormat Datuk Seri Hussein Noordin mengenai filem Indonesia yang bernama "Rakit". Adakah itu tidak terdedah? Umpamanya duduk di atas rakit seorang diri wanita dan buka baju pula, itulah yang dinamakan terdedah. Jadi saya rasa, patutlah Timbalan Menteri Penerangan mengkaji lebih mendalam lagi filem-filem yang akan ditayangkan di dalam talivisyen kita kelak.

Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator itu dan pandangannya itu adalah diambil perhatian oleh Kementerian.

BANGUNAN BARU SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN TAMIL

6. Tuan M. Mahalingam minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah rancangan-rancangan dalam Rancangan Malaysia Ketiga bagi pembinaan bangunan-bangunan baru untuk sekolah, atau untuk memperbaiki bangunan-bangunan yang telah sedia ada untuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, bagi Semenanjung Malaysia, sejumlah \$210,000,000 adalah diperuntukkan bagi rancangan pelajaran rendah di dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Bagi sekolah-sekolah milik Kerajaan samada ianya Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil), Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) atau Sekolah Rendah Kebangsaan, program-program berikut akan dilaksanakan:

(a) Membina bilik-bilik darjah baru untuk menampung kemasukan murid-murid tiap-tiap tahun. Jenis projek yang dijalankan ialah pembinaan sekolah-sekolah baru dan tambahan kepada sekolah-sekolah yang sedia ada.

(b) Mengganti bangunan-bangunan lama.

(c) Memperbaiki kemudahan-kemudahan yang ada seperti membina kantin, tandas, bekalan air dan api.

Peruntukan projek mengikut aliran sekolah-sekolah adalah didasarkan kepada keutamaan dan keperluan di satu-satu negeri.

Bagi sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan (Tamil) yang menerima bantuan penuh tetapi tapaknya bukan milik Kerajaan, bantuan modal akan diberikan. Dalam Rancangan Malaysia Ketiga sejumlah \$8,500,000 adalah diperuntukkan bagi rancangan bantuan modal ini. Sistem bantuan modal ini terpaksa diamalkan kerana bangunan di atas sesuatu tapak dianggap sebagai harta pemilik tapak itu.

LESEN JUDI LUMBA KUDA

7. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau akan menamatkan pengeluaran Lesen Judi Lumba Kuda yang menjadi punca berlakunya Perjudian (Pertaruhan) yang menjadi kesan buruk kepada Ugama, Ekonomi dan Politik Rakyat Negara ini, sebagaimana Kerajaan telah menolak satu permohonan mengadakan Lumba Anjing yang sama kesannya dengan Lumba Kuda baru-baru ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan setakat ini tidak pernah mengeluarkan sebarang Lesen Judi Lumba Kuda seperti mana yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat itu. Oleh itu tidaklah perlu saya menjelaskan samada saya akan menamatkan Lesen Lumba Kuda itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan ada menubuhkan satu Lembaga yang disebut sebagai Lembaga Totalisator (Totalisator Board) pada tahun 1961 setelah satu Akta bernama Akta Totalisator diluluskan oleh Dewan ini pada tahun 1961. Lembaga yang terletak di dalam bidang kuasa Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bertanggungjawab bagi mengendalikan perlumbaan-perlumbaan serta pertaruhan-pertaruhan melalui tiga ejen-ejenya iaitu Kelab Lumba Kuda Selangor, Kelab Lumba Kuda Perak dan Kelab Lumba Kuda Pulau Pinang.

Ianya mempunyai anggota-anggota seramai 9 orang yang kesemuanya dilantik oleh Kerajaan. Setakat ini Kerajaan tidaklah bercadang untuk memansuhkan Lembaga itu.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam masaalah Kerajaan manghalalkan Kelab-kelab Lumba Kuda berjalan dalam negeri kita ini daripada segi perjudian, saya nampak di antara Kelab Lumba Kuda dengan Kelab Lumba Anjing itu adalah sama, walhal anjing itu lebih kecil lagi. Jadi adakah pada satu ketika nanti Kelab Lumba Anjing ini akan memajukan perusahaannya dalam bidang perjudian, maka Kerajaan akan memberikan pertimbangan dengan adanya satu-satu syarat supaya Perbendaharaan kita dapat duit melalui Kelab ini?.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, perkara Lumba Anjing itu telah kerap kali dibangkitkan baru-baru ini dan juga dibincangkan dalam akhbar-akhbar tempatan kita, dan setakat ini telahpun ada Lumba Kuda dan itu cukuplah memadai pada masa ini. Kalau dibanyakkan lagi cara-cara permainan pertaruhan itu, barangkali orang ramai kita akan tidak suka daripada segi ugama dan politiknya.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan menerangkan samada beliau sedar bahawa akibat daripada Kelab-kelab Lumba Kuda memainkan peranan melalui perusahaan Lumba Kuda dan pertaruhan yang menyebabkan implikasinya kepada keadaan dari segi ugama, moral dan sebagainya akibat perjudian itu di kalangan rakyat.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu adalah sukar sedikit untuk dijawab. Memang benar Kerajaan tahu juga ugama Islam tidak menggalakkan perjudian kerana kesan-kesan buruk mungkin berlaku jika permainan judi itu menjadi satu ketagihan khasnya bagi kalangan berpendapatan rendah macam saya sendiri (*Ketawa*) yang memang tidak mampu, tetapi saya rasa jika dipandangkan seperti satu hobby atau kesukaan sahaja, saya percaya tidak akan mengakibatkan apa-apa kesan buruk yang serius.

LANDASAN KAPALTERBANG ALOR SETAR

8. Tuan V. SM. Vellayappa minta Menteri Perhubungan menyatakan jangkanya ran-

cangan meluaskan landasan kapalterbang di Alor Setar hendak diadakan supaya ianya mampu menerima pendaratan pesawat yang lebih besar dan berat daripada Foker memandangkan kepada kenyataan bahawa Bandar Alor Setar menjadi pintu keluar masuk pelancung dari Utara Semenanjung Malaysia dan perkhidmatan penerbangan MAS masih tidak mendapat perhatian.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, landasan kapalterbang Lapangan Terbang Alor Setar boleh menampung pendaratan kapal terbang seperti jenis B737, oleh itu tidak perlu diperluaskan landasannya. Walau bagaimanapun, bagi menerima pesawat seperti ini alat-alat bantuan pendaratan tambahan (extra landing aids), Balai Bomba yang baru dan Bangunan Terminal tambahan diperlukan. Kajian sedang dibuat untuk memperbaiki rancangan tersebut dan sejumlah \$3 juta telah diperuntukkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

PINJAMAN LUAR NEGERI

9. Datuk V. Ponnusamy Pillay minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah pinjaman dalam dan luar negeri yang dibuat oleh Kerajaan untuk membiayai projek-projek pembangunan dan jumlah faedah yang dibayar terhadap pinjaman-pinjaman ini di dalam dan luar negeri.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua,

(i) *Pinjaman Luar Negeri:*

(a) Jumlah pinjaman luar negeri yang telah diperolehi oleh Kerajaan untuk membiayai projek-projek pembangunan setakat 30hb November, 1976 ialah sebanyak \$5,618 juta, tetapi tidak semuanya wang pinjaman itu telah dikeluarkan. Wang pinjaman ini akan dikeluarkan sepenuhnya hanya apabila projek-projek yang berkenaan telah selesai dilaksanakan.

(b) Jumlah faedah yang dibayar terhadap jumlah pinjaman yang tersebut di atas tidak dapat dikira sekarang kerana perkiraan faedah adalah berdasarkan kepada jumlah pinjaman yang

dikeluarkan dan ke atas baki pinjaman setelah pembayaran pokok dibuat. Faedah tidak dikenakan ke atas baki pinjaman yang belum dikeluarkan. Walau bagaimanapun, jumlah faedah yang telah dibayar oleh Kerajaan setakat 30hb November, 1976 ialah sebanyak \$70.79 juta.

(ii) *Pinjaman Dalam Negeri:*

Pinjaman Dalam Negeri terbahagi kepada dua sumber iaitu melalui pengeluaran Surat-surat Jaminan Kerajaan (Government Securities) dan juga pengeluaran Bil-bil Perbendaharaan (Treasury Bills). Jumlah pinjaman tempatan melalui Surat-surat Jaminan Kerajaan yang masih belum selesai (outstanding loans) hingga setakat ini berjumlah \$9,014.3 juta. Jumlah faedah yang telah dibayar dalam tahun 1976 sehingga 30hb November, bagi jumlah pinjaman yang masih belum selesai seperti di atas ialah sebanyak \$494 juta. Jumlah pinjaman yang masih belum selesai hasil dari pengeluaran Bil-bil Perbendaharaan ialah sebanyak \$1,700 juta. Kadar potongan (Discount) yang dibayar dalam tahun 1976 sehingga 30hb November, berjumlah \$67.2 juta berdasarkan jumlah hutang yang masih belum selesai seperti di atas.

Datuk Abdul Aziz bin Tapa: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup. *(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab-Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 10 adalah diberi di bawah ini).*

SEKOLAH MENENGAH VOKESYENAL

10. Tuan T.S. Gabriel bertanya kepada Menteri Pelajaran adakah Kerajaan mempunyai apa-apa rancangan untuk menubuhkan lebih banyak lagi sekolah-sekolah vokesyenal di setiap buah Negeri di Malaysia oleh kerana sekolah-sekolah tersebut sangat berkurangan di negara ini sekarang.

Tuan Chan Siang Sun: Kementerian Pelajaran sentiasa berusaha untuk menambatkan bilangan Sekolah-sekolah Menengah Vokesyenal di seluruh negara. Pada masa ini

terdapat 21 buah Sekolah-sekolah Menengah Vokesyenal sementara itu 4 buah lagi sedang dibina dan akan dibuka pada tahun 1977/78.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga 5 buah sekolah-sekolah sedemikian akan dibina. Oleh itu pada tahun 1980 kita akan mempunyai 30 buah Sekolah-sekolah Menengah Vokesyenal kesemuanya.

USUL

ATURAN URUSAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 13(2), Majlis ini akan terus menimbangkan perkara 4 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini selepas sahaja Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara (Pindaan) diluluskan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul kemuka bagi diputuskan, dan ditetujukan.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 13(2), Majlis ini akan terus menimbangkan perkara 4 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini selepas sahaja Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara (Pindaan) diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN PERUSAHAAN HAIWAN NEGARA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan atas Masaalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (6hb. Januari, 1977).

3.48 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, bagi menyambung semula jawapan

yang telah saya berikan semalam, atas pandangan daripada Yang Berhormat Datuk Seri Hussein Noordin berhubung dengan masalah mendapatkan tanah, Alhamdulillah, setakat ini Kerajaan Negeri telah memberi kerjasama yang baik kepada MAJUTERNAK yang mana hingga hari ini sebanyak 7 kawasan tanah untuk padang ternakan telahpun diperolehi seperti di Negeri Johor, Pahang, Perak, Trengganu, Selangor, Negeri Sembilan dan juga Sarawak. Adalah diharapkan kerjasama yang serupa ini akan diperolehi terus-menerus dari Kerajaan Negeri yang masih mempunyai tanah yang sesuai.

Berhubung dengan pandangan daripada Yang terhormat Encik V. Aboo atas Pengu-rus-pengurus Ladang yang tidak memberi kerjasama kepada pekerja-pekerja ladang untuk menjalankan rancangan ternakan di ladang-ladang mereka, perkara ini akan disiasat di atas sebab-sebab perkara ini berlaku. Jika sekiranya kedudukan ladang tersebut mengizinkan iaitu ternakan tidak akan merosakkan tanaman-tanaman mereka dan juga tidak mengganggu tugas pekerja-pekerja ladang ini terhadap majikannya, insya Allah, Kementerian saya akan berunding dengan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat untuk mengatasi masalah yang serupa ini.

Berhubung dengan pandangan beliau supaya MAJUTERNAK bekerjasama dengan MARDI untuk menggunakan raja-reja kelapa sawit bagi makanan haiwan, sebenarnya kerjasama ini telahpun ujud selama ini dan pandangan ini adalah dalam perhatian MAJUTERNAK bukan sahaja daripada kelapa sawit tetapi daripada raja-reja nenas yang boleh dijadikan bahan campuran makanan haiwan.

Berhubung dengan pandangan Yang Berhormat Datuk V. Ponnusamy supaya Kerajaan mendirikan Hospital Haiwan, walaupun pandangan ini baik tetapi buat masa ini, masanya belum sampai lagi disebabkan kemampuan Jabatan Haiwan yang ada di peringkat negeri dan daerah dan juga ajensi-ajensi yang lain seperti MARDI dan MAJUTERNAK masih lagi berkemampuan mengatasi masalah-masalah penyakit haiwan di dalam negeri ini.

Berkenaan dengan kata-kata Mahatma Ghandi seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu saya syorkan supaya Yang

Berhormat itu dapat menyampaikan kata-kata ini kepada penternak-penternak supaya mereka boleh bersemangat yang bersungguh-sungguh berusaha untuk mengisi keperluan negara.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pandangan Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad, yang pertamanya saya mengucapkan terima kasih atas pandangan perlawaan beliau berhubung dengan tanah di Negeri Johor. Sebenarnya Kerajaan Negeri Johor telah memberi banyak tanah kepada Kementerian saya samada kepada Jabatan Haiwan dan MAJUTERNAK dan juga kepada Persatuan Peladang Negeri. Tetapi walau bagaimanapun, apabila MAJUTERNAK memerlukan tanah lagi di Negeri Johor, insya Allah, saya akan menghubungi Yang Berhormat untuk mendapatkan jasa baiknya bagi mendapatkan tanah tambahan

Berkenaan dengan pandangan Yang Berhormat juga mengapa hanya lembu sahaja ditenak, tetapi kerbau tidak digalakkan, sebenarnya lembu ini lebih cepat besar dan senang dikawal serta mudah mendapat tempat yang sesuai, sedangkan kerbau ini lambat besar, lambat mengeluarkan susu, memakan masa yang lama dan memerlukan tempat yang sesuai untuk kerbau. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum kerbau ini adalah memerlukan tempat untuk berkubang dan sebagainya. Walau bagaimanapun, Kementerian saya menaruh perhatian atas pandangan Yang Berhormat ini jika sekiranya ternakan kerbau ini boleh menguntungkan juga akan ditimbangkan.

Ahli Yang Berhormat juga bertanya mengapa hanya lembu Australia sahaja yang dibawa masuk untuk dijadikan baka oleh MAJUTERNAK. Sebenarnya, apa yang saya difahamkan oleh pegawai-pegawai haiwan yang mahir, lembu Australia ini adalah jenis lembu yang baik, lebih cepat besar, terkawal dari penyakit, mempunyai daging dan susu yang banyak serta cepat mendatangkan hasil dan mempunyai keupayaan untuk jualan sebagaimana yang diperlukan oleh negara kita, sedangkan lembu-lembu Bali tidak ada jualan untuk baka, hanya jualan untuk daging atau disembelih sahaja.

Yang Berhormat Puan Dasimah Dasir merasakan kesal kerana lembu kambing yang dilepaskan selalu ditangkap Polis serta diberikan bayaran makanan sehingga \$3-\$4 sehari. Perkara ini saya fikir terjadi di kawasan-kawasan pekan, lembu dilepaskan

dan tidak dikawal, mengganggu lalulintas, merosak tanaman dan membuang najis di sana-sini. Perkara ini penternak sendiri patut juga bertimbangrasa kalau memelihara ternakan di kawasan bandar hendaklah dikawal supaya jangan merosakkan tanaman orang ramai serta mengganggu kenderaan yang lalu-lalang yang boleh membahayakan keselamatan orang ramai. Bayaran \$3 atau \$4 itu memang patut dikenakan kerana lembu-lembu dan kambing-kambing yang ditangkap itu juga perlu diberi rumput untuk makanan haiwan ini dalam masa mereka ini di tanah.

Ahli-ahli Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad dan juga Datuk V. Ponnusamy Pillai juga meminta supaya rancangan pawah diteruskan. Ini memanglah benar Kementerian saya akan meneruskan rancangan pawah ini untuk menambah keperluan ternakan negara dan menambah pendapatan petani-petani.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhirnya, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi sokongan dan teguran-teguran yang membina bagi melaksanakan Rang Undang-undang ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditibangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.45 ptg.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Lembaga

Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan), 1976
dibaca kali yang kedua.

Memandangkan tugas-tugas Lembaga ini di dalam memesatkan segala kegiatannya di dalam bidang penangkapan ikan, pemerosesan ikan serta pemasaran ikan terutamanya sekali penangkapan ikan di lautan dalam, maka Lembaga ini adalah memerlukan pindaan kepada Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, 1971 untuk membolehkan MAJUIKAN menubuhkan syarikat-syarikat di bawah Akta Syarikat, 1965.

Peruntukan Akta MAJUIKAN sekarang ini hanya membolehkan MAJUIKAN menubuhkan perbadanan sahaja dengan menggunakan kumpulan wangnya sendiri dan kiranya perbadanan ini dibubarkan, semua harta-hartanya akan menjadi milik MAJUIKAN. Dengan cara begini adalah tidak dapat perbadanan yang ditubuhkan oleh MAJUIKAN ini menjalankan sesuatu projek usahasama. Cadangan juga dibuat bagi membolehkan sebarang perbadanan yang ditubuhkan oleh MAJUIKAN diubah kepada syarikat yang di daftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 dengan tujuan supaya orang-orang perseorangan kumpulan ataupun badan-badan swasta yang berminat boleh mengambil bahagian dengan cara membeli saham-sahamnya setelah diubah kepada syarikat kelak.

Bagi melengkapkan lagi kuasa-kuasa yang ada pada MAJUIKAN itu adalah dicadangkan juga supaya MAJUIKAN dibolehkan mengambil bahagian ekuiti dalam semua projek yang difikirkan perlu, berfaedah ataupun berkaitan dengan tugas-tugasnya. Pada masa ini MAJUIKAN hanya boleh mengambil bahagian ekuiti di dalam projek-projek penangkapan ikan ataupun perbekalan dan kelengkapan menangkap ikan sahaja. Projek-projek yang saya maksudkan untuk dibolehkan ini ialah seperti projek memproses dan mengetin ikan, kilang tepong ikan dan sebagainya yang telahpun ada didirikan oleh Syarikat-syarikat swasta tempatan.

Pindaan-pindaan lain yang dicadangkan ialah untuk menukar nama jawatan Ketua Eksekutif MAJUIKAN yang pada masa ini dikenali dengan nama Timbalan Pengerusi. Nama jawatan ini patutlah ditukarkan kepada Ketua Pengarah sesuai dengan tugasnya sebagai Ketua Eksekutif.

tadi kalau boleh bantuan ini ditambah lagi, bukan saya katakan hendak marah kerana tidak diberi kita syukur dan berterima kasih, cuma kalau boleh kalau ada kemudahan tambahkan lagi supaya dapat lebih ramai orang-orang menerima bantuan subsidi yang saya maksudkan tadi.

Ada satu perkara lagi berhubung dengan lesen bagi orang-orang yang ada bot. Saya juga telah didatangi oleh beberapa orang daripada mereka ini yang telah mendapat bantuan subsidi—ini masaalah yang telah mendapat bantuan pula, samada enjin ataupun pukut tetapi hendak menjalankan usahanya itu terpaksa mencuri-curi, salah-salah buat ditangkap kerana pihak Kementerian di Kuala Lumpur tidak mengeluarkan lesen kepada mereka, sebab ada limit atau sekatan berapa jumlah lesen yang boleh dikeluarkan. Jadi, nampaknya ada sedikit kesilapan kerana tidak ada penyelarasan atau perseimbangan, bantuan bot dan alat-alat diberi, tetapi kuasa yang boleh membenarkan mereka itu berjalan pula ditahan di sini, jadi tidak kena. Bila tahun ini dapat bot dan alat-alat tetapi hendak menjalankan takut pula mereka kena tangkap kerana tidak ada lesen. Saya dengar khabar; ini tak tahulah, dengar sahaja tetapi patut juga diberi penjelasan, kerana kalau betulh maka imejnya tidak baik kepada MAJUIKAN. Khabarnya ada lesen untuk MAJUIKAN yang telah dirizabkan lebih kurang 100 sedangkan MAJUIKAN sendiri belum ada bot sebanyak itu, jadi tertangguhlah lesen itu. Orang-orang lain yang telah dapat bantuan minta lesen tidak diberi kerana telah dirizabkan kepada MAJUIKAN, ini wallahualam samada betul atau tidak, saya hanya menerima rayuan daripada nelayan-nelayan itu. Saya kemukakan di sini kalau sekiranya perkara ini benar maka saya haraplah keadaan ini cuba betulkan supaya kehendak-kehendak kumpulan yang miskin ini dapat kita penuhi mudah-mudahan kehidupan mereka akan dapat kita baiki dan bertambah baik daripada masa yang telah lalu.

Akhirnya, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian Pertanian khususnya dan kepada Kerajaan amnya kerana telah mengadakan satu peruntukan yang besar untuk mengadakan satu pusat bagi memudahkan kaum-kaum nelayan menjalankan usaha mereka dan bagi memajukan atau menambahkan pendapatan mereka di masa yang akan datang iaitu peruntukan mengadakan satu

kompleks perikanan di Chendering yang sekarang ini alhamdulillah, telah mula menjalankan kerjanya dan rumah-rumah yang berkenaan di kawasan itu telahpun dipindah. Kita harap, insya Allah, rancangan ini tidak akan tergendala, mudah-mudahan nelayan-nelayan di Trengganu akan dapat menjalankan usaha mereka dengan lebih senang, dengan lebih selesa kata orang dan di samping menambahkan pendapatan mereka itu sendiri juga akan menambahkan hasil negara.

4.05 ptg.

Tuan Syed Omar bin Syed Hussain: Tuan Yang di-Pertua, di samping menyokong Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia ini, saya hendak menyentuh sedikit berhubung dengan perusahaan ikan air tawar atau lebih dikenal di utara ikan darat. Sebagai Yang Berhormat Timbalan Menteri sedia maklum di kawasan Perairan Muda sekarang ini kehidupan ikan-ikan air tawar semakin setahun semakin pupus. Saya bimbang ikan-ikan ini tidak boleh hidup lagi di dalam Perairan Muda. Satu fikiran timbul daripada penduduk-penduduk di utara Malaysia khususnya, umumnya di dalam Perairan Muda supaya pihak Kementerian mengadakan penyelidikan ikan yang lebih sesuai dengan kehendak-kehendak masyarakat supaya dapat dijadikan pasaran yang lebih besar dan dibuat penyelidikan ikan-ikan yang lebih besar bentuknya daripada ikan talapia, lampam dan sebagainya. Saya telah difahamkan kononnya di negeri Pahang, beberapa jenis ikan besar yang boleh dijual dagingnya sehingga \$10 sekati, apakah jenis ikan ini tidak dapat dihijrahkan ke Perlis dan Kedah untuk diusahakan di sana.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang pengetahuan saya di Perlis, Kedah dan di Kelantan juga ada jenis-jenis ikan yang telah dilupakan atau dibiarkan umpamanya ikan baung kata orang Perlis dan Kedah besarnya sampai 10 kati, ikan tebarau enak dan lemak, banyak disukai oleh orang. Walaupun penduduk-penduduk di negeri tersebut tidak suka memakan ikan air tawar atau ikan darat tetapi peratusnya sangatlah kecil, saya rasa tidak sampai satu atau dua peratus orang-orang Melayu, China dan India di sana yang tidak suka memakan ikan air tawar ini. Jadi, dengan lulusnya pindaan Akta Lembaga Majuikan ini saya berharap sungguh-sungguh dan saya menyuarakan hasrat hati bagi pihak

rakyat di utara Malaysia Barat supaya perusahaan ikan air tawar ini dikaji balik supaya ikan-ikan yang telah dilupakan dan ditinggalkan membiak di dalam hutan itu diproses melalui perusahaan Kementerian sendiri mengadakan telaga, perigi, kolam dan sebagainya untuk dijadikan satu perusahaan yang boleh dibanggakan kemudian hari.

4.10 ptg.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini tetapi sebelum menyokongnya saya ingin memberi pandangan berkenaan dengan Undang-undang ini.

Di sini saya tertarik hati berkenaan dengan Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia. Ini bukan sahaja ikan di dalam laut, definasinya itu bukannya untuk ikan sahaja, tetapi udang, ketam, kepah, kerana yang tidak termasuk jenis ikan, maka dengan sebab itu jikalau udang ini kelak tidak dapat kita proses, jadi definasi ikan itu termasuklah udang dan sebagainya. Ini yang saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menengokkan di atas perkara ini, sebab apabila kita kuatkuasakan Undang-undang ini kelak, maka satu perkara akan timbul berkenaan dengan perkara ini. Inilah satu-satu perkara yang saya suka bercakap tetapi tidak hendak bercakap panjang-panjang. Orang-orang bumiputra dan juga saudara-saudara kita orang China di Malaysia yang duduk di tepi laut, kebanyakannya menjadi nelayan, tetapi sampai hari ini kedudukan nelayan kita samada nelayan Melayu, nelayan China dan di Pulau Pinang ada nelayan India, tidak mendapat jaminan yang sebenarnya. Sudah 20 tahun kita merdeka, tetapi kehidupan nelayan kita cuma kalau dapat pun makan, kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Ini tentulah tidak keterlaluan saya bercakap, oleh kerana kalau kita tengokkan nelayan kita di Pantai Timur atau di Pantai Barat, ini adalah bukti yang terang dan nyata. Dengan sebab itu, ini adalah kritik-kritik, bukan saya suka mengkritik tetapi saya minta pada masa yang akan datang oleh kerana dalam Rancangan Malaysia Ketiga, kita berkehendakkan semua kaum nelayan tidak kira apa bangsa, dapat meninggikan taraf hidup mereka. Ini yang penting sekali di dalam rancangan-rancangan ini untuk membasmikan kemiskinan di kalangan nelayan supaya nelayan ini juga hidup macam kita yang hidup di bandar-bandar.

Cuba tengok di Pulau Ketam, di Kuala Selangor bagaimana kehidupan mereka, macam mana 50 tahun dahulu, begitu juga sekarang; tidak siapa yang ambil peduli, minta tanahpun tidak dapat. Bukan mereka suka duduk di tepi laut tetapi minta tanah pun tidak dapat. Bukan kepada orang perseorangan, sebab kalau mereka minta cara perseorangan tidak dapat, susah sangat hendak dapat. Dengan lindungan MAJU-IKAN ini, saya minta Kerajaan Negeri boleh berunding supaya tanah ini diberi kepada mereka, bukan untuk mereka menanam tetapi untuk buat perumahan-perumahan mereka. Saya tahu, Tuan Yang di-Pertua, kerana dahulu saya juga menjadi Wakil Rakyat. Saya tahu bagaimana kehidupan mereka ini dan saya pergi menengok kehidupan nelayan-nelayan itu, sampai hari ini penjualan-penjualan ikan mereka ini tidak terjamin sungguhpun ada MAJU-IKAN. Tengok nelayan kita orang China di Kuala Selangor, siapa yang menjamin hasil penangkapan ikannya? Sungguhpun dapat udang 6-7 kati tetapi berapa ringgit yang mereka ini dapat jual? Adakah MAJU-IKAN membeli ikan atau udang daripada mereka itu, sebab orang tengah inilah yang menindas mereka dan selama bila orang tengah ini akan dihapuskan. Ini penting.

Saya bersetuju dengan Rang Undang-undang ini, sebab memang inilah tujuan saya, dan saya menyokongnya, tetapi sebelum itu MAJU-IKAN ini mestilah memajukan benar-benar kedudukan nelayan-nelayan di tepi laut yang berpanas, tidak ada apa yang dilindungi. Apabila datang ombak yang tinggi, mereka terpaksa menghadapi ombak-ombak yang tinggi; bila datang angin yang kuat, maka nyawa mereka diserahkan kepada Tuhan. Tidak ada perlindungan mereka di lautan lepas ini. Mereka ini sebagai warganegara Malaysia yang hendak maju dan terus maju, maka mereka ini mestilah dilindungi betul-betul oleh pihak Kerajaan. Dengan adanya MAJU-IKAN, memang bagus, apa pertubuhan, apa perbadanan macam ini, memang bagus, tujuannya cukup bagus. Saya tidak nafikan tujuannya, tujuannya bagus betul, tetapi sudahkah tujuan ini dilaksanakan. Ini cakap yang sebenar-benar, bukan kerana saya hendak mengeji Kementerian yang berkenaan—tidak, tetapi tujuan saya kalau baik Kementerian ini, alhamdulillah, elok, kaum nelayan kita sihat. Apabila kaum nelayan kita sihat, kita pun sihat sama, kita pun dapat tidur lena. Kalau

tidak, kalau nelayan ini miskin, maka itulah sebabnya jadi lanun di tengah laut, menjadi penyamun di Kuala Lumpur ini dan sebagainya. Ini oleh kerana ada sebab-sebabnya dan setengah daripada sebabnya ialah oleh kerana kehidupan. Jadi saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri menengokkan kehidupan nelayan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau ikan di darat, ia ada 3-4 macam ikan. Satu daripadanya ikan daripada sawah, seperti ikan di Tanjung Karang, di perairan sawah di Kedah, tetapi pada hari ini yang mana saudara saya telah menyatakan oleh kerana kita memakai racun untuk racun rumput, baikpun di dalam sawah ada airnya dia pakai racun rumput, akhirnya air masuk. Apabila air masuk racun ada sama, telor-telor ikan yang ada di dalam tanah semuanya mati. Tentulah apabila sawah tidak ada taliair ikan pun mati, tidak ada ikan sepat lagi. Kita nampak ikan sepat pun makin mahal harganya oleh kerana tidak ada ikan sepat. Ini kita tidak dapat berbuat apa-apa, oleh kerana hendak ini atau hendak itu. Kalau tidak hendak pakai racun ataupun baja—ada ikan, kalau tidak, tidak usah pakai racun, itu sahaja di antara dua cara. Jadi kita pilih untuk meracun setengah rakyat hidup bersawah.

Keduanya, kita buat kolam dengan pertolongan daripada Jabatan Pertanian. Saya sudah bercakap dahulu mengenai ikan talapia. Yang Berhormat Menteri pun sudah jemu dan kalau dijawab pun beliau kata sudah jemu mendengar nama ikan talapia, ikan lampam dan apabila dimasukkan ke dalam kolam, saya tengok dalam talivisyen, apabila Menteri atau orang besar-besar mencurahkan ikan ke dalam kolam itu, semua rakyat dipanggil bertepuk tangan, kenduri, berkompang, semua ini ada bagusnya, tetapi selama mencurahkan ikan itu ada hasil, bukan tidak ada hasil, tetapi hasil itu tidak mencukupi, belum lagi dapat apa-apa. Sudah 20 tahun mencurahkan ikan ke dalam kolam, tangan rakyat bertepuk-tepuk, sebab Menteri datang tetapi hasilnya sedikit sangat. Saya hendakkan iaitu dicari jalan lain. Dibuat kolam ini memang baik, kita buat besar-besar betul macam mana kita tengok di negeri asing, iaitu di Taiwan.

Saya harap pada satu masa yang akan datang, bukan Menteri-menteri—tidak tetapi pegawai-pegawainya, pergi ke Kowloon, Hainan, Taichoon di mana

kolam-kolam sangat besar dan hasil-hasil ikan itu terjamin betul-betul dan di pasar kita tidak boleh dapat beli ikan daripada perseorangan—tidak, melainkan apabila sampai ke pasar dilelong dan hasilnya adalah dari harga yang betul-betul didapati. Ini yang dikehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan ikan di lautan. Berkenaan dengan ikan di lautan, kalau dikatakan nelayan-nelayan China elok juga sedikit. Di Pantai Timur, ini saya tidak nampak dan saya tidak tahu, boleh jadi botnya besar sedikit. Di Pantai Barat di mana saya berada dahulu sebagai Wakil Rakyat nelayan-nelayan masih berkayuh. Dekat Tanjung Karang di sebelah kirinya ada nelayan-nelayan Melayu masih berkayuh lagi. Apa sebabnya? Kalau hendak beli yang berjinjin tentu tidak berwang. Kalau hendak beli sampan besar sedikit, hendak berwang, hendak pinjam barangkali payah hendak dapat pinjaman. Jadi, terpaksa kayuh juga dengan perkakas-perkakas lama yang dipakai oleh mereka. Dengan sebab itu perkara ini juga mesti ditengok oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengesyorkan beberapa kali bahawa kita mesti memandang cukup jauh ke hadapan. Kalau sesebuah negeri itu boleh mengusahakannya, mengapa kita tidak boleh buat iaitu menangkap ikan lautan dalam. Apa sebabnya orang Jepun datang sampai ke perairan Pulau Pinang, orang Korea pun di situ, orang Taiwan pun di situ, dengan bot-bot yang besar-besar datang ke situ. Kalau kita pergi ke Pulau Ketam, kita tengok bot-bot yang besar-besar. Apa sebabnya? Sebab di perairan kita ikan-ikan yang baik cukup banyak seperti ikan tuna dan sebagainya, tetapi kita tengok nelayan lain yang membawa ikannya ke Pulau Pinang. Kita cuma tengok sahaja. Apa sebabnya, apabila dikehendaki orang kita menangkap ikan, modalnya besar. Dengan modal kita, tidak dapat, oleh kerana modalnya cukup besar, kapalnya sampai 300 tan beratnya. Ini yang saya suarakan dan perkara ini sudah lama berlaku. Saya minta kepada Kerajaan supaya diadakan kapal, bukan lagi bot yang 30 tan tetapi kapal yang 250-300 tan yang boleh belayar ke lautan dalam sedikit dan dapat memberi hasil yang lebih banyak lagi. Hendaklah diadakan koperatif oleh syarikat-syarikat perikanan ini dengan menjalankan usaha secara joint venture dengan orang-orang yang bijak pandai daripada mana negeri pun untuk menangkap

ikan, bahkan inilah tujuannya untuk menangkap ikan dari lautan dalam dan ahli-ahli syarikat-syarikat ini adalah nelayan-nelayan kita, tidak kira apa bangsanya kerana nelayan-nelayan kita. Sambil mengambil ikan-ikan di perairan tepi pantai mereka juga akan mendapat hasil-hasil keuntungan daripada kapal yang besar-besar yang pergi ke lautan. Tidak payah mereka pergi ke lautan, tetapi semua nelayan kita mesti masuk dalam kapal 300 tan, tidak payah, tetapi mereka mengambil saham-saham supaya mendapat keuntungan dan menambahkan hasil mereka yang dapat daripada tepi-tepi pantai samada udang geragau, kerang ataupun ikan bilis. Di situ dapat menambahkan hasil pendapatan mereka. Inilah yang kita terpaksa buat kalau betul-betul hendak meninggalkan taraf hidup nelayan-nelayan kita oleh kerana saya katakan tadi sungai kita di Malaysia ini mengadap ke Pantai Barat, pada satu masa yang akan datang oleh kerana banyaknya faktori-faktori yang tidak dapat dikawal seperti di negeri Jepun, mereka cuba mengawal air-air keluar daripada faktori-faktori tetapi bukan mudah untuk mengawal, dikawal siang malam dikeluarkannya air. Dengan sebab itu, ikan di perairan kita akan habis dan sekarang juga kalau ditanya nelayan atau Jabatan Perikanan tempat-tempat yang banyak ikan dahulu sudah habis ikannya. Dengan sebab itu terpaksa kita mencari jalan lain pergi jauh-jauh sedikit untuk pergi menangkap ikan. Pandangan saya ini bukan untuk mencerca, tidak sekali-kali, tidak ada fasal, tidak ada sebab yang saya terpaksa mencerca, tetapi apa yang saya kata ini adalah dari hati untuk memandang atau menengok dalam tempoh yang sesingkat-singkatnya di dalam tempoh lima tahun yang akan datang, nelayan kita segak-segak hidupnya, nelayan kita mempunyai rumah sendiri, nelayan-nelayan kita macam mana kita ada sebuah kereta atau motosikal biarpun kecil, merekapun juga bercita-cita atau mempunyai kenderaan-kenderaan seperti kita. Ini yang kita kehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja dan saya dengan sesungguhnya menyokong Rang Undang-undang ini.

4.27 ptg.

Tuan V. V. Aboo: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan), 1976.

Tuan Yang di-Pertua, sebab kekurangan ikan dan harga yang melambung tinggi di dalam negara ini sedang menjadi kegelisahan kepada penduduk negara ini khasnya orang-orang yang berpendapatan rendah. Kekurangan ikan ini dipercayai bukan hanya disebabkan oleh faktor kurang tangkapan ikan di lautan tetapi di satu faktor yang lain menunjukkan ikan-ikan itu dijalankan ke tempat-tempat di mana harganya lebih tinggi dan lumayan boleh didapati oleh peniaga-peniaga ikan borong. Adalah diharap Kerajaan tidak teragak-agak bersikap tegas untuk mengatasi kesulitan orang ramai di dalam soal ikan yang sentiasa menjadi sebahagian dari makanan utama kepada penduduk-penduduk di dalam negara ini.

MAJUIKAN hendaklah bergiat lebih cergas lagi untuk meneruskan lagi penangkapan ikan di tengah laut (deep sea) dan bukan bergantung hanya kepada bekalan ikan yang terhad di perairan pantai. Sudahlah jelas bahawa ini berkehendakkan kapal-kapal dan alat-alat yang lebih moden dan besar serta nelayan-nelayan yang lebih terlatih dan cekap.

MAJUIKAN hendaklah bekerja rapat dengan Instituti Latihan Nelayan di Pulau Pinang untuk mendapat nelayan-nelayan seperti ini. Pada masa ini kerjasama di antara Instituti dan MAJUIKAN adalah lama dan walaupun pelatih menghadapi masalah besar mendapat kerja selepas latihan mereka. Dalam perkara ini saya ingin tahu apakah kedudukan usaha bersama yang telah ditubuhkan di antara MAJUIKAN dan pihak-pihak daripada Timur Tengah dengan kapal-kapal perikanan tengah laut. Adakah usaha ini berjaya atau mesti menghadapi kesusahan. Terima kasih.

4.30 ptg.

Puan Hajjah Cik Tom Saudah binti Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong penuh Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan) 1976.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan yang telah dapat memindahkan Akta ini, maka dengan pindaan ini, saya percaya dan yakin dapat menambah lagi nelayan-nelayan memasuki syarikat-syarikat supaya dapat bertambah banyak lagi nelayan di peringkat bawah dapat bekerja dengan giat lagi.

Di sini saya suka sentuh berkenaan dengan pemasaran seperti mana yang disebut oleh rakan saya tadi yang mana saya tahu ikan-ikan yang besar yang disebut tadi tidak ada dan saya suka sebutkan di sini terutamanya ialah udang.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana di negeri Kedah, kalau dahulu udang di segenap sungai banyak nelayan dapat tangkap, tetapi sekarang di dalam sungai itu tidak ada lagi udang. Kalau di pasar, orang-orang lapisan bawah tidak dapat membelinya, kalau ada pun, Tuan Yang di-Pertua, sampai \$6.00 sekati. Jadi seperti mana kita telah adakan perusahaan ternakan ikan air tawar, saya rasa kalau dapat pinak Kementerian ini mengadakan ternakan udang di masa yang akan datang kerana dahulu saya telah dengar ada juga ternakan-ternakan udang ini tetapi tidak nampak langsung udang-udang yang diternak oleh pihak Kementerian ini. Jadi saya tidaklah hendak bercakap panjang, hanya saya berharap kepada Kementerian ini apabila lulus sahaja pindaan Akta ini, dapatlah dijalankan dengan lebih giat lagi penubuhan syarikat-syarikat di kawasan nelayan di peringkat rendah supaya dapat mereka duduk sama taraf dengan nelayan-nelayan yang bukan bumiputra. Jadi dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dan saya yakin supaya dapat pihak syarikat-syarikat dan pihak Lembaga itu juga dapat mengadakan biasiswa melatih anak-anak bumiputra kita supaya dapat mereka itu dilatih sebagaimana kedudukan perjalanan dan menjalankan segala kenderaan yang moden, penangkapan-penangkapan yang moden di dalam negara kita ini. Dengan adanya latihan ini, saya rasa tidak lama lagi kita akan berjaya berkenaan dengan mengatasi nasib nelayan-nelayan ini.

4.33 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberikan sokongan yang penuh atas Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab saya bercakap yang akhir sekali, maka saya ingin bercakap panjang, barangkali selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menjawab ulasan-ulasan termasuk ulasan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempohkan selama 15 minit.

Persidangan ditempohkan pada pukul 4.35 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 4.58 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

4.58 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, menyambung ucapan saya baru sebentar tadi, di antara tujuannya Rang Undang-undang ini, menurut hemat saya ialah pertama sekali supaya dapat membanyakkan pengeluaran ikan dalam negeri ini, di samping itu dapat memodenkan cara penangkapan ikan di negara kita.

Yang ketiga, memperbaiki taraf hidup nelayan-nelayan kita. Bila disebut nelayan, maka ada dua kaum yang mengusahakan nelayan ini. Pertama, orang Melayu, yang kedua, orang bukan Melayu.

Yang jadi masaalah Kerajaan sekarang yang selalu dibangkitkan ialah masaalah nelayan-nelayan Melayu walau macam mana Kerajaan atau Kementerian ini telah berhempas-pulas menjalankan usaha dan ikhtiar untuk menyediakan berbagai-bagai rancangan supaya dapat memperbaiki keadaan penangkapan ikan bagi nelayan-nelayan itu.

Bagi orang yang bukan Melayu, mereka telah kukuh dalam penyusunan mereka dan dengan sebab itu keadaan nelayan orang bukan Melayu adalah lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan juga dengan perlaksanaan peruntukan yang ada dalam Rang Undang-undang ini akan dapat memberikan faedah kepada nelayan-nelayan bumiputra yang saya maksudkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, terlanjur saya bangun, gemar saya menyampaikan ucapan terima kasih saya kepada Kementerian ini yang sejak akhir-akhir ini telah memberikan perhatian utama kepada nelayan-nelayan di negeri Johor di mana Kerajaan akan mengadakan Kompleks Perikanan di Kuala Sedili, begitu juga pasar borong di Johor

Bharu. Jadi saya berasa bahawa negeri Johor kalau disebut dalam meninggikan taraf hidup nelayan-nelayan di sana adalah terkemudian daripada kawasan-kawasan lain, tetapi bagi orang Johor mereka menerima dengan sabar dan mudah-mudahan projek itu akan dapat diperbaiki dari masa ke semasa.

Tujuan Akta yang dimaksudkan ini ialah membolehkan MAJUIKAN membuat syarikat usahasama dengan syarikat-syarikat yang berbentuk perikanan samada dalam negeri atau pun luar negeri. Saya memandang bahawa usaha ini usaha yang sangat besar yang berkehendakkan kepakaran yang begitu baik, sudah tentu saya memikirkan bahawa Kerajaan akan mengadakan syarikat usahasama dengan syarikat-syarikat luar negeri. Sebab, negeri-negeri yang ada perusahaan perikanan ini memang telah menaruh minat dalam kawasan-kawasan perairan di tanahair kita. Jadi dengan sebab itu mereka cuba dengan seberapa daya upaya mencari jalan supaya kalau boleh dalam kawasan perairan kita ini dapat mereka mengusahakan sama penangkapan ikan ini. Negara yang maju dalam perikanan ini ialah negeri Jepun, Russia dan juga negeri-negeri yang barangkali ada dalam pengetahuan Kementerian ini. Cuma yang saya mengharapkan bila MAJUIKAN ini telah mengadakan syarikat usahasama dengan syarikat usaha ikan di luar negeri dalam usaha menangkap ikan di lautan dalam ini, empat perkara yang saya minta Kementerian ini memerhatikan.

Pertama sekali, saya mengharapkan supaya syarikat daripada luar negeri itu jangan mempengaruhi politik negeri itu kepada negeri ini dan yang kedua, supaya diawasi benar-benar bahawa kapal-kapal atau perahu-perahu nelayan yang hendak digunakan ada kaitannya dengan syarikat ini supaya diawasi benar-benar jangan disalah gunakan oleh syarikat ini dengan memuatkan senjata dan dimasukkan ke dalam negeri ini, sebab di Malaysia ini, sebagaimana yang kita sedia maklum, satu kawasan perairan yang begitu luas. Kita juga sedang menghadapi musuh dalam negeri. Kalau kesempatan ini digunakan oleh syarikat-syarikat, kapal ini atau perahu-perahu nelayan ini mengambil kesempatan menyeludupkan senjata dari pada luar negeri dimasukkan ke dalam negeri ini, ia akan menjadikan satu merbahaya yang besar. Sepatutnya satu peraturan bila mana syarikat ini ditubuhkan hendaklah dimasukkan peraturan dalam perjanjian itu.

Yang kedua, saya mengharapkan bahawa syarikat yang hendak ditubuhkan itu supaya saham-sahamnya dijual kepada syarikat-syarikat nelayan kita yang ada dalam tanahair ini, dengan keadaan ini mereka akan berhak merasai nikmat atas kemajuan projek menangkap ikan di lautan dalam itu.

Yang ketiga, saya mengharapkan juga bahawa latihan-latihan sayugia diberikan kepada anak-anak tempatan warganegara supaya bersama-sama mengikuti dari semasa ke semasa syarikat perikanan yang begitu besar supaya rancangan ini dapat sama diperolehi oleh rakyat dalam negeri ini sambil itu mereka dapat latihan dalam menangkap ikan yang bertaraf antarabangsa.

Yang keempat, oleh sebab tujuan Rang Undang-undang ini hendak membanyakkan ikan dalam negara kita, janganlah MAJUIKAN ini monopoli kepada syarikat-syarikat yang ia membuat usahasama, cuba diberi peluang kepada swasta yang ada dalam negeri ini yang berusaha mengadakan syarikat yang begitu besar yang ada mempunyai kelayakan menangkap ikan di lautan dalam. Dengan keadaan hasrat dan tujuan Kerajaan, saya fikir akan diperolehi dengan cepat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan telah mengatakan beberapa projek MAJUIKAN telah dibuat termasuklah mengadakan kilang-kilang, seperti kilang tepung, kilang udang. Dalam masalah ini, saya fikir patut Kementerian ini memberikan perhatian bahawa agensi-agensi yang ditubuhkan oleh Kerajaan di mana juga seperti di Mersing, di Perlis dan di Sabah. Saya hendak katakan di Mersing sahaja bahawa perlawanan sedang dibuat oleh pihak swasta dengan tujuan supaya mensabotajkan syarikat yang dibuat oleh agensi ini sebuah syarikat tepung. Pada hal syarikat ini dapat ikan-ikan dan dijadikan tepung dengan begitu banyak, tetapi bila pihak swasta melihatkan kemajuan ini begitu baik, ia telah cuba melawan mengambil ikan-ikan mentah dan busuk ini, mereka beli dengan harga yang baik hingga syarikat kilang tepung tidak dapat bahan untuk diproseskan di kawasan itu. Jadi keadaan ini kalau MAJUIKAN menjalankan usaha itu, hendaklah diperhatikan dengan betul, hendaklah diberikan syarikat-syarikat perlindungan kepadanya. Kalau tidak, wang yang begini banyak diberikan oleh Kerajaan dalam Kementerian Pertanian ini akan jadi

menah dan tidak akan memberi menafaat. Malahan pula kilang ikan di Mersing itu sekarang sudah senget, sebab pembangunannya tidak begitu sempurna, dibuat dengan begitu gopoh. Ini satu kerja yang patut kita jadikan contoh dan tauladan pada masa yang akan datang supaya kita jangan ikuti contoh ini.

Begitu juga dalam masaalah kilang udang. Kita telah membuat kilang udang. Udag ini sekarang telah menjadi satu perlawanan, dibeli oleh swasta dengan harga yang mahal, tentulah penangkap-penangkap ikan kita ini tidak mahu menjual kepada kilang-kilang kita. Mereka lebih suka menjual dengan harga yang mahal di Sabah atau di mana sahaja sebab udang ini boleh dijual dan eksportkan ke Jepun atau di Amerika. Dengan keadaan yang macam ini, kalau kita tidak kawal dan jaga dengan betul, wang yang begitu banyak diusahakan, akan menjadi sia-sia dan tidak akan berfaedah.

Tuan Yang di-Pertua, saya gemar memberikan perhatian kepada Kementerian ini bahawa bila MAJUJIKAN ini telah menjalankan usaha dan juga Kementerian ini telah memberikan banyak subsidi kepada nelayan-nelayan kita. Satu kejadian berlaku pula bahawa penyelewengan berlaku kepada subsidi yang diberi oleh Kerajaan kepada nelayan-nelayan kita. Hal ini tidak sampai ke tangan mereka. Ini menjadi satu sungutan kepada rakyat.

Kita tidak boleh salahkan juga mereka yang telah menerima subsidi daripada Kerajaan, dijual kepada orang lain dan disalahgunakan. Ini oleh sebab penyeliaan dan nasihat, saya fikir, daripada Kementerian ini tidak diberi perhatian yang sepenuhnya. Kalau subsidi yang diberi kepada nelayan lepas ke tangan orang lain, maka tujuan Kerajaan hendak memperbaiki taraf hidup nelayan itu tidak akan tercapai, sebagaimana yang telah berlaku di Trengganu baru-baru ini, walau dinafi, tetapi kalau tidak ada api mana ada asap. Dengan adanya keadaan yang semacam ini, kita hendaklah bersungguh-sungguh sebab wang yang diberi oleh Kerajaan kepada nelayan itu biar benar-benar mereka terima, jangan disalahgunakan oleh setengah-setengah orang tengah yang hendak mengambil kesempatan dalam masaalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga sangat tertarik hati kepada Kementerian ini, selain

daripada mengadakan MAJUJIKAN, ikan laut juga ada dalam rancangan Kementerian ini supaya dibiakkan sekurang-kurangnya dalam kawasan pantai, sebab kawasan pantai itu sekarang sangat kurang ikan, kalau boleh dibuat rancangan membiakkan ternakan ikan darat kenapa kita tidak boleh buat satu usaha atau rancangan membiakkan ikan laut di kawasan pantai. Jadi dengan adanya dibiakkan keadaan ini dan dengan adanya kawalan-kawalan yang tertentu ikan dalam kawasan ini membiak dengan banyak dan apabila membiak dengan banyak adalah kaitannya seperti yang saya katakan tadi bahawa akan dapat faedah kepada nelayan-nelayan kita khasnya nelayan bumiputra yang tidak biasa menangkap ikan di lautan-lautan jauh. Rancangan membiakkan ikan laut ini saya harap Kementerian ini akan memberikan perhatian supaya pada satu masa perkara yang semacam ini akan diusahakan. Walaupun akan memakan belanja yang begitu banyak, dengan kawalan yang begitu baik insya Allah kita akan dapat merasai rancangan kita itu akan dinikmati oleh rakyat.

Satu perkara yang saya fikir ada kaitan juga dengan lautan ini ialah menangkap ikan iaitu menggalakkan memelihara tiram, sebab tiram adalah satu hidupan dalam lautan juga. Kalau Kementerian ini memberikan satu penggalakan memelihara tiram bukan sahaja boleh diadakan di Semenanjung Malaysia tetapi di Sabah dan Sarawak. Tiram ini memang sungguh besar faedahnya sebab pada kelopak-kelopaknya ada mutiara. Kalau kita pelihara banyak bukan sahaja daging tiram itu akan didapati tetapi mutiara daripada tiram akan memberi menafaat kepada negara. Samada memelihara tiram ini boleh dibuat atau tidak, tetapi saya rasa iklim laut dalam kawasan negara kita boleh dipelihara tiram ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya harap Kementerian ini memberikan satu perhatian yang serius dalam masaalah kemasukan ikan-ikan daripada luar negeri ke dalam negeri. Ikan boleh dibawa masuk daripada Thailand, Burma dan juga daripada Indonesia, jadi dengan kemasukan ikan-ikan ini boleh juga menjejaskan kedudukan ikan yang ada dalam tanahair kita, menjejaskan harga ikan yang ada dalam tanahair. Perkara ini patut kita kawal dan juga akan kemasukan ikan ini supaya jangan banyak sangat. Kalau di Taiping dan Pulau Pinang kilang-kilang

ikan yang terdapat di sana bukan ikan yang daripada Semenanjung Malaysia, tetapi ikan yang banyak daripada Thailand dimasukkan. Dan juga di sebelah selatan banyak ikan daripada Indonesia. Dengan keadaan yang semacam ini Tuan Yang di-Pertua, kalau kita mengambil tindakan dan perhatian kita akan dapat mengawal dan taraf hidup penangkap ikan dalam tanahair kita akan dapat diperbaiki dengan harga yang begitu mahal. Ketika itu akan setimpallah dengan usaha-usaha yang mereka buat kalau negeri kita ini tidak dibanjiri oleh ikan daripada luar negeri.

5.16 ptg.

Datuk Dr Wee Khoon Hock: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang menyentuh satu perkara sahaja iaitu untuk mendesak Kerajaan atau Kementerian berkenaan supaya mendirikan satu tabung (fund) untuk membantu kaum nelayan yang menjadi mangsa apabila tiba musim hujan daripada bulan Oktober hingga Januari tiap-tiap tahun. Lebih-lebih lagi jikalau kampung-kampung mereka dilandai banjir, sebabnya mereka itu dihalangi belayar menangkap ikan pada musim itu dan di Kelantan kebanyakan sedang hidup di dalam kemiskinan dan tidak berdaya dalam tempoh itu. Bantuan seperti yang saya syorkan di sini akan memberi satu jaminan hidup yang tertentu dan patutlah diberi pertimbangan berat oleh pihak Kementerian.

Saya menyokong Rang Undang-undang ini.

5.17 ptg.

Datuk Syed Kechik bin Syed Mohammad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang yang sedang dibahaskan. Kita sebagai sebuah negara yang mana rakyatnya terdiri daripada orang-orang yang banyak memakan ikan dan mempunyai lebih kurang 3,000 batu pantai-pantai (coastline) yang menghadapi Lautan Sulu, Lautan China Selatan dan Selat Melaka adalah negara yang betul-betul terpaksa menjaga kepentingannya dalam kemajuan perikanan. 70% daripada protin yang kita makan di Semenanjung Malaysia datang daripada Selat Melaka, samada betul atau tidak, tetapi ini adalah apa yang saya dengar baru-baru ini. Saya rasa pindaan yang sedang

dikemukakan ini amat mustahak dan sebagai mana saya sebutkan tadi saya menyokong pindaan ini.

Saya juga hendak mengemukakan satu dua teguran di dalam masaalah ini. Satu daripadanya, kita sebagai negeri yang belum lagi begitu maju dalam lapangan ini, sebab kita mula menjalankan kerja-kerja ini dalam tahun 1971 sahaja, sepatutnya kita ambil contoh-contoh daripada negara-negara yang lebih maju daripada kita dalam lapangan ini, bukan seperti negeri-negeri Amerika Syarikat, Canada atau England, sebab mereka itu mempunyai cara yang lain iaitu cara yang agak mahal dalam menjalankan kerja-kerja mereka. Kita hendaklah mengambil contoh-contoh daripada negeri-negeri seperti Taiwan, Korea iaitu negeri yang semacam kita juga memakan ikan, bukan seperti Amerika atau Australia yang memakan daging. Negeri Taiwan dan Korea rakyatnya tidak begitu kaya seperti negara-negara di Barat. Kalau kita mengambil contoh daripada negara-negara ini, harus cara-cara kita mengerjakan penangkapan ikan ini tidak begitu mahal dan tidak akan melibatkan kewangan yang begitu banyak.

Saya rasa kita patut berhati-hati tentang perbelanjaan, tentang cara yang kita hendak menghasilkan tujuan-tujuan sebagaimana yang tercatat di dalam Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan cara kita hendak mencapai tujuan-tujuan tadi dan tujuan-tujuan yang lain untuk memperbaiki kedudukan nelayan-nelayan kita dalam negara kita ini. Banyak Lembaga-lembaga yang kita tubuhkan di dalam beberapa tahun yang lampau dan Lembaga-lembaga ini termasuk juga Lembaga Kemajuan Ikan, menghadapi bermacam-macam soalan. Kebanyakan pegawai-pegawai terpaksa diambil pegawai yang baru yang mesti melalui trial and error basis. Saya berharap pegawai-pegawai di dalam Lembaga Kemajuan Ikan ini akan bekerja lebih kuat dan lebih dedikasi lagi, untuk mempelajari cara-cara memperbaiki Lembaga ini dan mendalami pengetahuan mereka supaya kerja-kerja yang mereka jalankan akan memberi menafaat yang lebih kepada kaum nelayan di dalam negara kita. Jadi tiap-tiap kemajuan di dalam satu-satu Lembaga oleh sebab dedikasi pegawai-pegawainya ataupun dedikasi orang-orang yang menjalankan tugas-tugas mereka. Kalau satu dua ataupun tiga orang lalai dalam menjalankan tugas-tugas mereka ataupun tidak begitu berminat

ataupun tidak bekerja keras maka sudah tentu Lembaga akan menjadi rugi dan sebagainya, sebab banyak betul Lembaga dalam negara kita ini yang kita tahu telah menghadapi kerugian dan sebagainya. Pada hal perkara-perkara itu boleh dielakkan jikalau pegawai-pegawai tadi ataupun orang-orang yang menjadi Ahli-ahli Lembaga tadi menjalankan tugas-tugasnya dengan lebih dedikasi dan lebih berhati-hati.

Itulah sahaja teguran saya, Tuan Yang di-Pertua.

5.22 ptg.

Datuk Seri Hussein bin Mohd. Noordin: Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1971.

Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian ini di atas usahanya dan tujuannya menggalakkan supaya perusahaan ikan ini dapat berkembang dan memberi keuntungan yang besar kepada nelayan-nelayan kita sepertimana yang kita telah luluskan Rang Undang-undang Lembaga Perusahaan Haiwan Negara tengahari tadi. Jikalau kita tengok peta Semenanjung Malaysia kita ini ialah sebuah negara maritime iaitu di kelilingi oleh laut, tetapi saya tidaklah percaya kalau perusahaan ikan ini gagal. Itulah sebabnya sebelum negara kita ini maju daripada satu masa kesatu masa apabila datuk nenek kita dahulu mula-mula datang ke negeri ini perusahaan ikan ini telahpun dijalankan, cuma caranya yang berubah adalah cara teknik dan cara alat-alat yang digunakan untuk menangkap ikan. Cara ini saya percaya telahpun dari satu masa kesatu masa Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia telahpun menjalankan seperti apa yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi iaitu baru-baru ini kita telah buka sebanyak 7 perusahaan di dalam negara kita ini untuk tujuan yang dimaksudkan di dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri apa yang kita dapat, bagaimana kedudukan negara kita yang di sekeliling oleh laut, tetapi yang kita terasa yang susah bukannya nelayan-nelayan ini sahaja, tetapi juga buruh-buruh yang duduk di bandar-bandarpun terasa susah dengan sebab harga

ikan di pasar telah naik. Mengapa perkara ini terjadi? Jadi, ada setengah orang kata ikan tidak cukup—ada juga pakar kata ikan tidak cukup dalam lautan di dunia sekarang, bahkan kita dengar baru-baru ini iaitu penangkap ikan daripada England pergi menceroboh perairan Iceland sampai jadi perang ikan. Jadi kawasan kita ini dan juga maksud Lembaga ini juga hendak mendirikan satu syarikat berkongsi dengan syarikat-syarikat luar iaitu maksudnya ialah memberi juga perusahaan yang besar kepada menangkap ikan menggunakan bot besar pergi ke laut. Di sini adakah Kementerian ini sedar bahawa baru-baru ini bukan sahaja negara-negara kecil yang telah menceroboh di dalam perairannya untuk menangkap ikan, tetapi negara-negara yang besar seperti Soviet Russia telah datang ke kawasan kita. Jikalau bot ini pergi menangkap ikan ke laut dengan tidak ada security ataupun tidak dilindungi bagaimana usaha bot yang besar ini hendak menangkap ikan di lautan yang dalam. Jadi saya berharap perkara ini tentulah mendapat perhatian daripada Menteri yang berkenaan supaya jaminan ini dapat diberi oleh pihak yang berkenaan iaitu Kementerian Pertahanan khususnya daripada Tentera Laut kita.

Kita juga dapat tahu mana-mana bot nelayan yang kecil yang telah masuk dalam perairan negeri lain seperti Indonesia telahpun ditangkap dan juga telah ditahan. Itu menyebabkan nelayan-nelayan kita Melayu segan, dan takut hendak pergi menangkap ikan kelautan dalam. Saya tahu hal ini, jikalau tidak betul sila betulkan. Kementerian ini melalui Lembaga Kemajuan Ikan telahpun membeli bot yang besar di Pantai Timur iaitu di Pahang. Apa telah jadi bot yang besar ini yang begitu banyak tetapi tidak digunakan untuk menangkap ikan di lautan dalam. Ini bukan sahaja akan merugikan kepada Lembaga Majuikan tetapi juga akan merugikan wang negara. Saya berharap dalam kita hendak memajukan penangkapan ikan di lautan dalam; janganlah kita tinggalkan perusahaan ikan di darat iaitu perusahaan ikan di darat dengan menggunakan air tawar termasuklah juga di sungai besar dan kecil. Kita dapat ikan ini untuk makanan manusia bukan sahaja kita katakan ikan ini untuk dimakan oleh satu kaum sahaja bahkan beberapa kaum yang ada di dalam Malaysia ini semuanya makan ikan samada ikan kecil atau besar. Ikan yang kita tahu pada hari ini mendapat

harga yang mahal dalam pasaran ialah ikan darat. Seperti di negeri Pahang ada sejenis ikan yang dinamakan ikan raja, atau ikan jelawat, tetapi saya kata ikan raja, satu kati kalau dibawa ke restaurant satu dish harganya ialah \$60 begitulah digemari oleh semua bangsa. Perusahaan ini patut digalakkan.

Begitu juga berkenaan dengan ikan belut yang panjang kepalanya macam kepala ular. Perusahaan ini patutlah digalakkan di dalam negara ini sebab satu kati ikan belut ini panjangnya lebih kurang katalah 4 atau 5 kaki sekati harganya sebanyak \$15. Ini disukai oleh taukeh-taukeh yang kaya makan ikan belut ini. Perusahaan ini telah diusahakan sendiri di Ipoh, di Pulau Pinang dan juga di beberapa tempat di dalam Malaysia ini.

Satu lagi perusahaan katak. Pada tafsiran Melayu mesti dikatakan katak, tetapi bila diterjemahkan dengan bahasa Inggeris dikatakan paddy chicken. Perusahaan katak yang besar ialah di Taiping iaitu di Simpang Empat Taiping ada gudangnya memelihara katak dan diekspot ke Amerika. Kepalanya dibuang dan diambil badannya. Kalau orang tidak tahu ini seperti daging chicken. Perusahaan ini pun kita boleh pelihara, sebab pasaran paddy chicken ini adalah terlampau dikehendaki oleh negeri Jepun dan juga di Amerika. Ini Perusahaan darat.

Berkenaan dengan udang pula, udang ini bukan sahaja kita dapat di sungai-sungai, bukan kita dapat udang galah di lautan besar sahaja, tetapi kita boleh dapat udang cara pelihara iaitu mengikut orang yang pelihara udang daripada Experimental Station, dan Experimental Station patutlah diadakan ditiap-tiap negeri supaya kita boleh mengeluarkan ikan dan udang yang banyak. Udang yang kita dapat sekarang ini ialah perusahaan yang besarnya pergi ke laut tetapi apa yang saya dapati sebelum, udang-udang ini sampai di darat sudah dipajak di tengah-tengah laut oleh perusahaan besar. Jadi, udang yang kita dapat di dalam pasar adalah udang-udang yang saki baki tidak dapat digunakan iaitu udang-udang kecil, kalau hendak udang besar tidak ada. Udang-udang ini telah diambil oleh perusahaan-perusahaan besar daripada laut bukan di darat. Mereka telah berjanji hendak membelinya di bawa ke darat untuk diproses dan dimasukkan ice, dipack dan dihantar keluar negeri. Jadi, Kalau cara

ini kita biarkan, nescaya udang-udang ini banyak pergi keluar negeri kerana mereka hendak mendapat untung. Itulah sebabnya rakyat yang ada di dalam bandar, yang bekerja jauh daripada tepi pantai laut, terpaksa membeli ikan-ikan dengan harga yang sangat mahal mengikut apa kata penjual-penjual ikan itu sahaja. Kalau banyak perkara ini kita usahakan, tentulah banyak kita dapat mengeluarkan ikan. Sebab manusia telahpun bertambah mengikut statistics yang diterima oleh sebab, keluarga explosion, ikan akan berkurangan di lautan—ini mengikut pakar-pakar yang bercakap. Sebab itu ikan-ikan sekarang ini kalau tak diambil perhatian dan kalau kita tidak melengkapkan diri, kita haruslah tidak dapat ikan, kalau kita buat perusahaan besar tetapi tidak ada perlindungan daripada tentera laut kita harus tidak dapat memajukan perkara penangkap ikan cara besar-besaran dengan cara moden untuk menangkap ikan di lautan dalam.

Itulah sahaja pandangan saya di atas Bil ini dan lagi sekali saya mengalu-ngalukan untuk memberi sokongan yang kuat kepada Bil ini dan juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah membawa Bil pada hari ini.

5.36 ptg.

Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun menyokong Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, 1971. Sambil itu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian yang telahpun mengemukakan Rang Undang-undang ini yang mana kita percaya Rang Undang-undang ini tentulah memberi satu keuntungan yang besar ataupun satu daya usaha untuk memajukan ikan-ikan di Malaysia kita ini.

Saya suka bercakap sedikit bersangkut dengan ikan-ikan di negeri Perlis. Di negeri Perlis ada dua jenis ikan yang telah ada pada masa dahulu lagi iaitu ikan darat dan ikan laut. Ikan darat ini pada masa dahulu boleh dikatakan banyak terdapat di negeri Perlis iaitu kebanyakkan terdapat di Perairan Muda. Pada masa dahulu Perairan Muda ini boleh dikatakan tiap-tiap ahli bendang di sana ada mempunyai telaga-telaga dalam tanah yang luasnya tiga relong di hujung tanahnya mempunyai telaga ikan. Selepas

mengambil padi iaitu musim air kering, maka telaga itu ditimba mendapatkan ikan-ikan darat dan banyak pada masa itu ikan-ikan darat terdapat di negeri Perlis. Tetapi pada masa ini ikan-ikan darat telahpun kurang. Ikan-ikan ini bukan dipelihara tetapi dengan sendirinya datang daripada ulu-ulu sungai masa musim air bah ikan-ikan ini akan masuk ke dalam telaga-telaga ini tetapi pada masa sekarang ikan-ikan ini susah hendak dapat.

Dalam masaalah ini juga apa yang kita harapkan bagi peladang-peladang ini satu pendapatan yang dapat lumayan juga pada masa dahulu tetapi pada masa sekarang salah satu daripada pendapatan ini telahpun tidak ada. Kita berharap kepada pihak MAJUIKAN, kalau boleh untuk memajukan ikan-ikan darat ini supaya dibolehkan bagi peladang-peladang mengadakan telaga-telaga, tetapi kalau hendak mendapatkan ikan seperti dahulu, tidak boleh dapat, maka dimasukkan ikan-ikan yang boleh dibela di kawasan-kawasan itu. Tentulah menjadi kesusahan sedikit, sebab ikan-ikan pada masa sekarang bukanlah serupa ikan pada masa dahulu. Ikan masa sekarang ini, kita terpaksa memberi makan, dahulu tidak payah beri makan dan tidak payah buat apa; ada telaga ikan itu boleh masuk dengan sendiri, tetapi hari ini kita terpaksa masukkan ikan dan selepas itu membela ikan itu pula. Walaupun begitu, kalau dimajukan dalam perkara ini maka tentulah mendapat satu penambahan kepada peladang-peladang yang ada di Perairan Muda itu menambahkan mata pencariannya sebagaimana yang saya sebutkan tadi.

Yang keduanya berkenaan dengan ikan laut. Kalau kita sebutkan MAJUIKAN, tentulah menyentuh untuk memajukan nelayan-nelayan. Nelayan-nelayan ini boleh dikatakan penduduk-penduduk di Kuala Perlis itu 95% penduduknya ialah terdiri daripada orang Melayu atau bumiputra. Keadaan pekerja-pekerjanya pun juga ke laut, memang orang itu sahaja yang bekerja. Dahulu ada Kerajaan mengatakan bahawa hendak mengubah corak nelayan-nelayan kita ini dengan cara nelayan ini mengubah corak, setengahnya datang ke bandar membuat perusahaan-perusahaan di bandar, tetapi malangnya nelayan-nelayan ini ada satu tabiat, mereka tidak boleh pergi ke bandar lagi, dan menjadikan satu kebiasaan bahawa mereka terpaksa buat kerja walaupun

pendapatannya itu kurang, payah hendak pergi ke bandar, menjadi satu kebiasaan kepada nelayan-nelayan ini. Dengan kerana itu apa yang kita harapkan bahawa pihak MAJUIKAN ini akan mencari jalan untuk mengatasi masaalah-masaalah memajukan nelayan-nelayan ini bagi memajukan pengeluaran ikan. Pertamanya, tentulah cara memajukan sekarang ini untuk mendapatkan perkakas-perkakas yang moden yang dapat menangkap ikan-ikan ini. Sebagaimana kita tahu setakat hari ini juga ada Kerajaan memberi bantuan-bantuan seperti bot, pukot kepada nelayan-nelayan ini. Kita mengucapkan terima kasih apa yang telah dijalankan pada hari ini tetapi apa yang kita harapkan pada masa yang akan datang usaha-usaha ini akan dapat ditambah lagi dan dapat menolong kepada nelayan-nelayan ini supaya mereka dapat menambahkan pendapatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita tahu bahawa daripada dahulu sampai ke hari ini boleh dikatakan 95% daripada penduduk-penduduk itu ialah daripada bumiputra tetapi tidak ada yang membuat perniagaan ikan, hanya tahu menangkap sahaja, bila balik curah ke dalam bakul dan bagi kepada saudagar-saudagar yang lain daripada bumiputra. Sampai hari ini perubahan itu tidak dapat berubah, tinggal begitu juga. Ini satu masaalah yang kita tidak tahu apa sebabnya, di mana kelemahannya. Maka dengan adanya MAJUIKAN pada hari ini supaya dapatlah MAJUIKAN ini mencari jalan mengatasi masaalah ini supaya bumiputra kita yang menjalankan kerja-kerja begini dapat memberi penjualan ikan ini kepada penubuhan syarikat-syarikat yang dicadangkan akan dibuat pada masa yang akan datang supaya ikan-ikan yang ditangkap itu akan dapat harga yang lumayan dan dapat dijual ke tempat yang tertentu. Kita harap bagi tempat-tempat yang begini dapat ditubuhkan syarikat-syarikat usahasama dengan Bumiputra di tempat itu dan dapatlah langkah-langkah yang dibuat oleh Bumiputra ini dalam memajukan ikan-ikan ini.

Sungguhpun kita dapati baru-baru ini dengan daya usaha tetapi bukan daripada penduduk luar, daripada daya usaha bumiputra yang menubuhkan satu syarikat nelayan khasnya untuk memproseskan ikan-ikan, menyatupadukan nelayan-nelayan supaya ikan dapat diberi kepada syarikat ini, tetapi malang sekali bila kala syarikat

ini ditubuhkan dengan menyatukan penangkap-penangkap ikan ini yang mana boleh dikatakan lebih kurang ada 20-30 bot yang telahpun ada pada mereka itu dan sedikit sebanyak modal yang telah dikumpulkan lebih kurang dalam \$20,000-\$30,000 dan dibuatkan tempat penerimaan ikan ke pelantar dengan pejabatnya lebih kurang habis sebanyak \$20,000 dan baki \$10,000 itu adalah untuk membayar yang mana penangkap-penangkap ikan, nelayan-nelayan ini samada mereka ada bersangkutan kepada taukeh-taukeh, terikat seperti orang sudah kena beli, jadi terpaksa pula kena bayar, hendak ditebus mereka balik. Dengan kerana itu duit yang \$10,000 itu habis begitu sahaja. Itulah keadaan kedudukannya. Setelah syarikat ini berjalan beberapa lama mendapatkan ikan itu terpaksa ikan yang sampai itu hendak dibayar, maka duit sudah tidak ada lagi. Bukan boleh ikan itu datang hendak ditolak masa itu juga—tidak dapat, terpaksa ikan itu dikumpulkan dan baru hendak hantar keluar dan kadangkala menghantar keluar juga yang kita dapati pada hari ini di pekan-pekan, di tempat penjualan yang tertentu ini tidak ada juga syarikat-syarikat bumiputra yang boleh menerima dan membayarkan serta-merta duit-duit ini. Dengan kerana itu terbungkalai syarikat ini tidak dapat berjalan dan beberapa kali telah membuat pengumuman dan kemukakan dengan sokongan daripada pegawai-pegawai syarikat sebab syarikat ini syarikat kerjasama, sokongan daripada pegawainya, sokongan daripada pegawai MAJUIKAN tetapi tidak dapat pinjaman. Malang sekali saya tidak tahu mengapakah perkara ini berlaku. Dengan kerana itu syarikat ini pun hiduplah sampai hari ini seperti hidup segan mati tak mahu. Begitulah keadaan kedudukan syarikat ini. Inilah kita harapkan manakala MAJUIKAN ini telahpun kita luluskan Rang Undang-undang ini untuk mencari jalan mengatasi memajukan nelayan kita ini maka kita berharap perkara ini diambil tahu sedikit sebagaimana yang saya sebutkan tadi, bagaimanakah cara hendak mengatasi dan dengan cara itu dapatlah syarikat-syarikat kerjasama yang seperti ini diusahakan 100% daripada kaum Bumiputra dapat perhatian daripada pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, bersangkutan dengan kerja-kerja yang dibuat oleh nelayan-nelayan ini bagi penduduk-penduduk yang bersempadan dengan Thailand, banyaklah

masaalah-masaalah ini berlaku mengenai penangkapan ikan ini dengan cara ke-kacauan daripada lanun-lanun yang merampas hak-hak nelayan dan begitu beberapa kesudahan yang terjadi kepada nelayan-nelayan. Ini patut diambil perhatian oleh pihak MAJUIKAN bagaimana hendak mengatasi masaalah-masaalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai ikan-ikan yang dimasukkan ke negara kita ini daripada Thailand ada beberapa jalan, umpamanya jalan laut yang sampai ke situ dan begitu juga yang mengikut perenggan di sana ialah dengan mengikut Changloon, ikut darat yang kita tahu pada hari ini sudah 15-20 tahun ikan-ikan ini masuk dengan jalan tersebut, satu hari sampai 20-30 lori yang masuk membawa ikan.

Jadi, sekarang ini berjalan 20-30 lori ikan laut ini masuk ke negara kita. Barangkali dengan sebab kekurangan ikan di negara kita ini dengan sebab itulah ikan-ikan ini banyak masuk tetapi walau bagaimanapun berkenaan dengan kemasukan barang-barang wang ini dapatlah kita bagi pihak Kerajaan ataupun MAJUIKAN ini mengawasi berkenaan dengan harga-harga dan kita menimbangankan juga barangkali dengan kemasukan ikan-ikan ini akan menjatuhkan sedikit harga-harga pasaran daripada usaha-usaha nelayan yang ada di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sedikit sebanyak yang dapat saya terangkan berkenaan dengan Lembaga Kemajuan Ikan (MAJUIKAN) ini dan kita berharap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan dapat mengawasi berkenaan dengan perkara-perkara MAJUIKAN terutama sekali bagi nelayan-nelayan kita di pantai-pantai ini dapat mengatasi masaalah mereka sendiri dengan sebab mereka tidak tahu menjalankan usaha-usaha yang lain dan sebenarnya menjalankan kerja itu sahaja.

5.52 ptg.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih di atas pandangan-pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung dengan Rang Undang-undang yang sedang saya bentangkan di dalam Dewan ini.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (MAJUIKAN) yang telah ditubuhkan di dalam tahun 1971 dengan berkuatkuasanya Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, 1971 menubuhkan MAJU-IKAN ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan hendak meninggikan lagi pendapatan nelayan dan dengan itu meninggikan taraf hidup mereka. Untuk mencapai matlamat itu MAJUIKAN telah diberi tanggungjawab untuk mengembangkan dan memajukan lagi perusahaan itu. Pada masa ini MAJUIKAN telahpun melancarkan rancangan-rancangan penangkapan ikannya di beberapa pusat projek dengan menggunakan bot berbagai jenis sejumlah 133 buah bot.

Selain daripada projek-projek penangkapan ikan itu, MAJUIKAN juga telah menubuhkan kilang memproses udang dan ikan di Kuala Kedah, kilang air batu di Kuala Perlis, mengambil bahagian equity di dalam kilang mengetin ikan (PERTIMA) di Kuala Trengganu dan kilang tepung ikan di Mersing. Dengan pelancaran projek-projek penangkapan ikan ini penubuhan kilang-kilang tersebut sejumlah lebihkurang 1,000 orang nelayan telah dapat peluang pekerjaan di pusat-pusat projek tersebut dengan pendapatan yang agak lebih lumayan. Purata pendapatan bulanan mereka setelah menyertai projek-projek ini telah meningkat kepada \$150 hingga \$200 sementara nelayan-nelayan yang lebih tekun bekerja boleh mendapat antara \$300 hingga \$400 sebulan.

Dalam Rancangan Malaysia Ketiga Kementerian saya akan mencuba seberapa boleh untuk meninggikan pendapatan lebih ramai lagi nelayan-nelayan dengan mengadakan bot-bot dan peralatan menangkap ikan moden yang lebih mendatangkan hasil yang selaras dengan hasrat dan dasar Kerajaan hendak melipatgandakan usaha membasmi kemiskinan dan kemelaratan di kalangan kaum nelayan.

Peranan MAJUIKAN di dalam mencapai matlamat itu ialah dengan mengadakan lebih banyak lagi projek-projek untuk memberi peluang pekerjaan dan pendapatan yang lebih baik kepada golongan kaum nelayan itu, antaranya projek rancangan yang difikirkan sesuai ialah projek-projek ternakan di luar kawasan perairan sedang diusahakan oleh nelayan-nelayan sekarang ini dan di lautan dalam. Dengan bertambahnya kegiatan penangkapan ikan itu adalah

perlu juga MAJUIKAN mengadakan projek-projek yang menyokong perusahaan itu seperti kilang air batu, kilang memproses dan mengetin ikan, membina bot, kilang mengeluarkan jaring dan pukat dan lain-lainnya. Oleh itu MAJUIKAN bercadang untuk mengambil bahagian dan peranan yang lebih cergas lagi menubuhkan projek-projek seperti itu. Bagi tujuan ini MAJU-IKAN perlulah memberi kuasa untuk melakukan segala perkara ini yang difikirkan perlu, berfaedah dan berkaitan dengan tugas-tugasnya iaitu dengan meminda Akta yang sekarang ini bagi maksud sebagaimana yang telah saya sebutkan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian telah memberi pandangan-pandangan yang pertama sekali saya ingin memberi jawapan kepada pandangan Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein. Beliau berasa musykil di atas masaalah ikan yang pergi ke bandar besar sahaja didapati harganya murah dan di bandar kecil susah hendak mendapatkan ikan. Ini sebenarnya bukanlah dasar Kerajaan tetapi ini adalah arus perniagaan yang sedang berlaku di dalam sesuatu masa ada kalanya bandar lebih murah daripada kampung, tetapi ada masanya pula nanti kampung akan lebih murah daripada bandar. Bagi mengatasi masaalah ini MAJUIKAN sedang mengaturkan satu dasar yang lebih sempurna, insya Allah akan dapat dibuat tidak berapa lama lagi.

Yang keduanya, beliau juga berharap supaya penubuhan syarikat ini jangan dimonopoli oleh satu-satu pihak dan supaya ahli-ahli nelayan supaya dapat membeli saham. Memang inilah dasar yang akan dibuat bersabit dengan Rang Undang-undang yang sedang dibentangkan di dalam Dewan ini supaya ahli-ahli nelayan akan dapat faedah bukan sahaja daripada segi penangkapan ikan tetapi juga akan dapat faedah daripada segi perniagaan, pemasaran dan juga memproses ikan.

Pandangan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Mansor bin Mohamad beliau telah menerangkan faedah MAJU-IKAN yang telah berjalan selama ini. Saya ucapkan terima kasih kerana beliau adalah salah seorang daripada Senator yang cukup faham benar-benar atas kedudukan nelayan, apa yang telah berlaku di

negeri Trengganu dan beliau sangat mengetahui lebih masak di atas masalah nelayan dan beliau ada memohon supaya bantuan yang ada ini ditambah lagi daripada yang ada supaya semua pihak boleh menikmati bantuan subsidi. Di sini sukalah saya memberi pengakuan bahawa peruntukan yang diberi oleh Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini adalah berlipat kali ganda daripada Rancangan Malaysia Kedua iaitu Kementerian saya telah diberi peruntukan sebanyak \$70 juta di dalam Rancangan Malaysia Ketiga bagi bantuan subsidi. Saya mempunyai keyakinan yang penuh dengan adanya wang tersebut bantuan-bantuan kalau tidak dapat diberikan kepada seluruh nelayan-nelayan tetapi sebahagian besar akan meliputi juga kepada nelayan-nelayan yang memerlukan.

Yang ketiga, bantuan dapat tetapi lesen tidak dapat. Ini saya sangat dukacita dan saya harap perkara yang seperti ini akan diatitkan dan disusun melalui Kerajaan-kerajaan Negeri, dapat diselaras di tiap-tiap negeri supaya perkara ini tidak berlaku. Sebenarnya apabila ada subsidi lesen mestilah dapat. Jadi tidak ada makna kalau subsidi dapat, lesen tidak dikeluarkan. Saya sangat dukacita hal ini, insya Allah tindakan yang segera akan diambil.

Yang ketiga berkenaan khabar angin reserved licence kepada MAJUIKAN. Perkara khabar angin ini, saya fikir tidak benar. Sebab reserved benda yang belum disediakan ini agak saya tidak benar.

Yang Berhormat Senator Haji Mohd. Amin meminta supaya ikan air tawar dengan membawa ikan yang berharga mahal seperti di Pahang. Agak saya ini termasuklah ikan jelawat. Saya sendiri mengakui bahawa ikan jelawat ini adalah sejenis ikan yang baik dan pasarannya sangat-sangat memuaskan tetapi malangnya ikan jelawat ini pada masa ini ikan ini hanya hidup biak dan juga boleh mengeluarkan telur dan beranak di Sungai Tembeling sahaja dan mereka ini berkehendakkan air yang sedang berjalan, air yang jernih dan lumut-lumut yang agaknya dengan Sungai Tembeling itu sesuai untuk makanan ikan itu. Walau bagaimanapun pihak Jabatan Perikanan sedang menjalankan kajian dan penyiasatan bagaimana boleh mendapatkan benih-benih ikan ini dan cuba di mana menternak di kawasan-kawasan yang lain. Kita berdoa sahalalah

kehadrat Allah mudah-mudahan rancangan ini akan dapat dikabulkan.

Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik meminta definisi Rang Undang-undang ini adakah termasuk undang dan lain-lainnya. Sebenarnya undang-undang ini adalah undang-undang pindaan, undang-undang asalnya termasuklah dengan undang dan segala-galanya.

Mengenai kemiskinan bagaimanapun untuk mengatasi supaya dapat berunding dengan Kerajaan Negeri untuk mendapatkan tanah, saya ucapkan tahniah atas fikiran yang begitu bijak daripada Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik dan sebenarnya pihak Kementerian saya pun sedang menyiapkan satu Kertas Kerja yang mana akan dirundingkan oleh semua Kerajaan-kerajaan Negeri yang menanggung jumlah kemiskinan nelayan yang lebih ramai misalnya, seperti Trengganu, Kelantan, Kedah, Perlis dan sebagainya untuk dirundingkan, untuk mencarikan peluang pekerjaan supaya keturunan ataupun jenerasi nelayan-nelayan ini tidak akan tertumpu semata-mata ke laut tetapi akan dapat mencuba mata pencariannya di dalam bidang pertanian ataupun di dalam kelas-kelas kemahiran untuk mendapatkan peluang mencari rezeki di atas negara Malaysia yang kaya raya ini. Yang keduanya kemudahan-kemudahan diberi kepada rakyat tetapi masih belum lagi mencapai kejayaan sepenuhnya. Sebenarnya bantuan ini hendaklah diguna dengan sebaik-baiknya tetapi pada hari ini belum lagi dapat mencapai kejayaan yang sepenuhnya kerana itulah rancangan pembangunan kita terus dilipatgandakan peruntukan perbelanjaan juga dilipatgandakan dengan tujuan supaya rakyat yang tidak mendapat peluang ini akan dapat menikmati peluang-peluang ini.

Yang ketiga, cadangan mengadakan kapal lebih besar untuk lautan dalam dan nelayan supaya menjadi ahli saham, ini memang menjadi dasar Kementerian saya, maka itulah sebabnya Akta ini dikemukakan di dalam Dewan ini supaya dapat kelulusan bagi mengadakan syarikat-syarikat yang lebih besar bagi menangkap ikan di dalam lautan dalam.

Yang Berhormat Senator V. V. Aboo meminta mengatasi masalah kekurangan ikan dengan mengadakan kapal besar yang

yang ada di dalam negara kita ini mengambil bahagian yang lebih cergas bukan sahaja mereka itu akan dapat menjalankan perniagaan tangkapan ikan tetapi juga akan dapat menjalankan perniagaan, memasarkan ikan-ikan ini serta juga kemudahan-kemudahan infrastruktur seperti kilang ice dapat disertai oleh nelayan-nelayan.

Selain daripada itu, Ahli Yang Berhormat juga meminta supaya diawasi kemasukan ikan daripada luar negeri, ini telahpun saya jawab.

Masaalah tangkap menangkap di negara jiran, perkara ini saya harap Ahli Yang Berhormat itu kalau ada apa-apa kejadian di sana bolehlah dirundingkan dengan seberapa segera dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perlis sendiri sebab beliau tahu kisah itu, kedudukan tangkap menangkap itu adalah berlaku, sebab ada juga nelayan kita kena tangkap dan ada juga kita menangkap. Ini masaalah kawasan sempadan, tetapi walau bagaimanapun kita harap masaalah ini akan dapat difahami oleh kedua pihak supaya kita mempunyai perhubungan baik di antara kedua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja jawapan-jawapan secara ringkas yang dapat saya berikan kepada Majlis ini. Sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Senator Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan perhatian berat di atas Rang Undang-undang yang sedang dikemukakan pada petang ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.13 ptg.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan), 1976 dibaca bagi kali yang keduanya.

Pemasaran adalah satu aktibiti yang sangat penting di dalam apa jua bentuk kegiatan ekonomi, lebih-lebih lagi di dalam sektor pertanian. Ini adalah kerana dalam sektor ini aktibiti pemasarannya begitu luas dan sangat terdedah kepada anasir-anasir yang boleh menekan harga seperti mendapatkan dan memerah tenaga petani-petani. Satu pengawasan oleh pihak tertentu sangatlah perlu bagi mengelakkan tekanan ini. Pengawasan tersebut boleh dilakukan dengan campurtangan Kerajaan melalui penubuhan ajensi-ajensi pemasaran untuk bertanggungjawab mengawal dan membuat peraturan-peraturan yang perlu di dalam bidang pemasaran hasil-hasil pertanian. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya di atas kesedaran inilah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan atau rengkasnya FAMA ditubuhkan di bawah Kementerian saya.

Semenjak ditubuhkan, FAMA telah mengambil bahagian cergas dan seberapa yang terdaya di dalam memasarkan hasil-hasil keluaran petani-petani dan juga kegiatan-kegiatan lain yang ada hubungannya dengan pemasaran. Pada masa sekarang Lembaga ini sedang giat mengambil bahagian di dalam bidang perniagaan dan memproses hasil-hasil pengeluaran pertanian seperti lada hitam, kopi, kelapa, koko dan kacang tanah. Penyertaan FAMA dalam bidang-bidang tersebut tidak lain dan tidak bukan ialah untuk mengujudkan satu pertandingan yang sehat di dalam bidang pemasaran hasil-hasil pengeluaran pertanian di negara ini. Usaha-usaha yang sedemikian akan membolehkan petani-petani kita mendapat harga yang berpatutan dari hasil-hasil pengeluaran mereka bagi menambahkan pendapatan dan meninggikan taraf penghidupan sehari-hari.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, FAMA akan membina sebanyak 31 buah Pusat Pemasaran Pertanian, 14 buah Pusat memproses kelapa kering, 3 kilang minyak

tinggi kedudukannya, jauh perengannya dengan mereka yang di bawah. Apabila kita tubuhkan syarikat-syarikat yang didaftarkan dengan undang-undang syarikat, kita faham undang-undang syarikat ini memberi kebebasan kepada syarikat itu menjalankan syarikat itu mengikut undang-undang syarikat. Dan Kementerian tidak mempunyai kuasa untuk memeriksa kira-kira syarikat itu yang biasanya kalau Perbadanan akan diperiksa oleh Juru Odit Negara (Auditor-General). Tetapi apabila dijadikan syarikat, maka syarikat itu akan melantik Chartered Accountant yang berdaftar untuk memeriksa kira-kiranya itu. Jadi cara perjalanan syarikat itu terserah kepada bijak pandai pengarah-pengarahnya dan daripada pengalaman kita kebanyakan syarikat-syarikat yang diberi kebebasan oleh Kerajaan, yang tidak ada kawalan yang cukup daripada Kementerian ini, biasanya menimbulkan problem, mengenai pentadbiran, mengenai kewangan, mengenai kira-kira dan berbagai-bagai masalah. Ini masalah urusan di bawah yang Menteri tidak sampai tangan hendak hulu untuk memegang sesuatu. Apabila kita beri satu-satu kebebasan begitu, bukan saya tidak bersetuju tetapi saya menarik perhatian Menteri untuk mengingatkannya. Biasanya, katakanlah satu Perbadanan ini joint venture company Jepun dan ditubuhkan satu syarikat.

Ada kalanya syarikat luar negeri ini ia lebih bijak, lebih pandai daripada pengarah-pengarah yang dilantik oleh Menteri dari Perbadanan ini dan saya telah mendapati beberapa syarikat yang seumpama ini dipermainkan oleh pemodal-pemodal luar. Syarikat itu akan membuat pemasaran barang-barangnya pergi ke Jepun umpamanya, dan syarikat itu rugi manakala syarikat yang di Jepun itu untung, kaya. Ini kerana permainan dalam syarikat itu yang boleh dikatakan bahawa pengarah itu dibeli oleh syarikat yang besar-besar di luar negeri dalam masa menjalankan pentadbirannya. Ini patutlah kita ingat apabila syarikat yang seumpama ini berjalan, kalau boleh, di Kementerian ini patutlah ada satu jabatan khas apabila semua Perbadanan ini boleh dikatakan diberi kebebasan, boleh buka syarikat barangkali berpuluh-puluh syarikat akan timbul. MAJUIKAN barangkali dia ada sepuluh, dua puluh syarikat; MAJUTERNAK ada sepuluh, dua puluh syarikat; Pemasaran FAMA ada sepuluh, dua puluh syarikat, barangkali beratus-beratus syarikat akan timbul daripada hasil perubahan ini. Hasil

perubahan ini akan timbul berbagai-bagai syarikat dan saya rasa perlu bagi Kementerian mengadakan satu Jabatan di dalam Kementerian Pertanian ini yang berkuasa untuk menyelidiki perjalanan-perjalanan syarikat ini dari segi kewangannya, dari segi projeknya, dari segi kira-kira dan sebagainya.

Umpamanya, kalau kira-kira kita jadikan macam internal auditor umpamanya, boleh pengawal pergi check kira-kira syarikat ini. Syarikat ini hendaklah memberi kuasa kepada Jabatan yang berkenaan ini supaya dapat memeriksa kira-kira syarikat itu secara bulan ke bulan umpamanya, sebab biasanya syarikat ini akaunnya diperiksa masa setahun sekali. Bila sampai setahun, kita tahu syarikat itu rugi, hendak diperbaiki sudah tidak boleh lagi, sebab masa sudah lewat. Jadi kalau hendak dibaiki ialah pada tahun hadapan. Tahun ini kalau rugi \$10 ribu, \$10 juta, rugilah dan tahun yang kedua hendak cari untung bukan senang untuk hendak menimbuskan yang telah lepas itu. Jadi daripada kita biarkan syarikat ini berjalan bebas dengan cara persendirian maka hendaklah diperiksa oleh Pemeriksa Kira-kira yang bebas setahun sekali. Saya rasa perlu kita adakan satu jabatan di Kementerian Pertanian ini yang mempunyai ahli dalam pemeriksa kira-kira, yang mempunyai ahli dalam ekonomi, yang mempunyai ahli dalam pentadbiran syarikat dan sebagainya. Sebab kadangkala pentadbiran syarikat itu pun perlu kepada orang yang tahu hal pentadbiran hal Undang-undang syarikat dan sebagainya dan barangkali jarang pegawai-pegawai di Kementerian ini mempunyai ilmu dalam pentadbiran syarikat ini dan biasanya bila tidak ada mempunyai ilmu, syarikat itu akan mengalami kerugian kerana dipermainkan oleh pihak-pihak yang mencari keuntungan diri sendiri.

Hari ini, kita pernah dengar kesemua Perbadanan Kerajaan ada wakil Treasury dan Treasury lantik wakil-wakil itu kerana hendak menghalusi tentang perjalanan Perbadanan itu, tentang maju ataupun tidak majunya perjalanan ataupun penyelewengan yang akan berlaku di dalam Perbadanan itu. Treasury ini macam jantung yang mengepam darah keseluruhan badan. Darah yang ada dalam jantung itu bersih, tetapi apabila ia telah mengalir ke urat kita, darah itu pergi kesuatu tempat yang mempunyai kuman yang kotor, jadi darah itu pun menjadi kotor. Darah yang pergi itu jadi kotor, jadi penyakit. Itu yang kita kena sakit, bisol di situ, bisol

di sini seperti Kerajaan kita hari ini, bisol di situ bisol di sini. Bukan kerana Kerajaan itu kotor, Kerajaan itu Bersih, tetapi bila disalurkan darah yang bersih itu kepada tempat yang kotor, darah itupun menjadi kotor. Jadi kita bimbang, takut susunan ini jadi macam darah kita, banyak kolistrol kata orang: kotor seluruh badan, kita pun lumpuh, kita nanti mati. Ini yang kita rasa takut. Jadi perlulah kita jaga di mana yang kita boleh jaga, di mana tempat yang kita boleh kawal; kita kawal. Tempat yang boleh kita kawal dengan baiknya ialah tempat menjaga kira-kira Kerajaan, dalam syarikat, dalam apa juga, kira-kiralah yang

mustahak. Syarikat ini kalau kita tidak jaga kira-kiranya, hendak tunggu Odit setahun sekali, kita mesti mati.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk bolehlah menyambung pada hari Isnin.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari Isnin, 10hb Januari, 1977.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.